

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

**PENYATA RASMI (HANSARD)
MESYUARAT PERTAMA
DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21**

[DRAF AWAL]

**HARI KHAMIS
12 RAMADAN 1446
BERSAMAAN 13 MAC 2025
(HARI KESEBELAS)**

[DRAF AWAL]
DEWAN MAJLIS

Hari Khamis, 12 Ramadan 1446 / 13 Mac 2025

**YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI):**

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

TIDAK HADIR:

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas makluman kurang sihat).

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas urusan rasmi).

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas urusan rasmi).

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam (Tidak hadir atas urusan rasmi).

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: Bismillahir Rahmanir Rahim. Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kesebelas pada hari ini Khamis, 12 Ramadan 1446 Hijrah bersamaan 13 Mac 2025 Masihi, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

(Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhannahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini untuk bersidang bagi hari kesebelas di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayyidina Muhammad Sallahu Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita akan memulakan hari ini dengan urusan mesyuarat seterusnya.

Yang Dimulikan Jurutulis: Waktu pertanyaan bagi Jawab Lisan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat waktu pertanyaan pada hari ini, akan saya mulakan dengan soalan pertama iaitu dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim yang ditujukan kepada Menteri Kesihatan.

Saya persilakan sekarang Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim.
(*Doa dibaca*).

Yang Berhormat dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, terima kasih atas pertanyaan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berhubung mengimbangkan komitmen penyediaan perkhidmatan kesihatan awam dengan *sustainability* dalam memelihara kesihatan rakyat dan penduduk secara berterusan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Antara keutamaan Kementerian Kesihatan ialah memastikan perbelanjaan berhemah dan *cost-effective* bagi mewujudkan sistem kesihatan masa depan yang berdaya tahan. Walaubagaimanapun, peningkatan kos masih belum dapat dielakkan mengambil kira kenaikan kos ubat-ubatan dan perawatan-perawatan dan penambahan bilangan pesakit menghidap penyakit-penyakit kronik.

Dalam menanganai dan memastikan peningkatan kos jangka panjang dapat dikawal, Kementerian Kesihatan telah mempertingkatkan lagi usaha kempen pencegahan serta kesedaran kesihatan pada orang awam melalui program-program Promosi Kesihatan, Program Vaksinasi dan Program Saringan dan

meningkatkan Program Saringan Awal Penyakit-penyakit Kronik seperti kardiovaskular, diabetes dan kanser. Peningkatan penyakit-penyakit ini banyak dikaitkan dengan perubahan gaya hidup masyarakat, terutama sekali dalam pengambilan makanan yang tidak seimbang dan berlebihan, merokok dan *vaping*, kurangnya melakukan kegiatan fizikal dan peningkatan *stress*.

Dalam pengendalian saringan awal dan program-program promosi kesihatan, Kementerian Kesihatan telah membelanjakan kira-kira lebih \$2 juta dari peruntukan kementerian ini dalam Tahun Kewangan 2024/2025. Alhamdulillah, jangka hayat warga di negara ini meningkat dari setahun ke setahun. Walau bagaimanapun, peningkatan pesakit-pesakit yang mengidap penyakit yang tidak berjangkit di peringkat muda akan menjadikan kos perubatan tidak terkawal.

Oleh itu, di samping usaha pendidikan dan kawalan-kawalan, Kementerian Kesihatan dengan bantuan *CSPS* akan mengendalikan kajian untuk membentuk pelan tindakan yang komprehensif dan jangkaan peningkatan kos pengendalian kesihatan populasi senegara. Pelan ini akan merangkumi rangka keperluan perkhidmatan, implikasi kos serta aspek kewangan yang khusus bagi perkhidmatan warga emas, bagi memastikan penyediaan perkhidmatan yang memenuhi keperluan populasi yang semakin meningkat.

Insya Allah, hasil dari kerjasama ini akan memberikan gambaran yang lebih luas terhadap rancangan yang kos efektif dan strategik. Pada masa yang sama, ia bertujuan untuk memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah mampan, berkualiti dan diiktiraf sekaligus menyokong kesejahteraan warga emas serta meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan di negara ini.

Selain itu, *Health Tehcnology Asessement or HTA* turut memainkan peranan penting dalam memastikan pelaburan dalam sektor kesihatan adalah berpatutan dan memberi manfaat yang optimum. *HTA* merupakan satu proses penilaian sistematik terhadap manfaat dan kos teknologi kesihatan, termasuk ubat-ubatan serta sistem perkhidmatan perubatan bagi memastikan dana kerajaan digunakan dengan bijak. Dengan adanya penilaian ini, keputusan yang dibuat dalam sektor kesihatan akan lebih berkesan, efisien dan berpandukan bukti bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan negara.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang kedua iaitu dari Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat yang ditujukan juga kepada Menteri Kesihatan dan saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan lagi.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua. Alhamdulillah, terima kasih

kepada Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat atas pertanyaan berhubung cadangan untuk memperkenalkan pemeriksaan kesihatan pra-perkahwinan secara mandatori memerlukan pendekatan di beberapa aspek.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan mengambil maklum mengenai kepentingan menjaga kesihatan awam yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Berdasarkan data terkini, Kementerian Kesihatan mengambil maklum mengenai peningkatan kes baru *HIV* di negara ini. Perkara ini amat membimbangkan dan perlu diambil serius. Dalam tempoh lima tahun terakhir 2019 ke 2023 majoriti kes baru *HIV* iaitu 91 ke 98 % terdiri dari golongan lelaki dari keseluruhan kes.

Sebahagian besar kes kejangkitan terjadi dikalangan mereka yang mengamalkan hubungan seksual yang tidak selamat khususnya dengan kalangan lelaki yang mempunyai hubungan kelamin sesama lelaki ataupun *MSM*.

Selain itu, statistik terkini bagi jangkitan penyakit hubungan kelamin *or sexually transmitted disease* menunjukkan tren penurunan. Jangkitan *gonococcal* menunjukkan penurunan daripada 57 kes pada tahun 2023 kepada 52 kes pada tahun 2024. Begitu juga kes jangkitan sifilis menurun daripada 204 pada tahun 2023 kepada 149 pada tahun 2024.

Pertimbangan untuk melaksanakan pemeriksaan saringan pra-nikah secara mandatori akan memerlukan penilaian menyeluruh terhadap pelbagai faktor termasuk keperluan perubatan, implikasi etika, penerimaan masyarakat dan aksesibiliti terhadap pemeriksaan saringan tersebut kepada semua lapisan masyarakat. Individu yang berisiko boleh mendapatkan ujian darah untuk *HIV* dan *Thalassemia* dari klinik-klinik atau hospital yang berdekatan. Kit ujian segera bagi *HIV* or ujian *HIV rapid test* juga didapati di beberapa klinik swasta di negara ini.

Perkhidmatan ujian yang disebutkan tadi adalah percuma untuk semua rakyat dan penduduk tetap di negara ini di semua pusat-pusat kesihatan dan hospital-hospital kerajaan. Ujian-ujian bagi mengenal pasti penyakit *HIV* dan *Thalassemia* dibuat secara rutin terutama dalam konteks pemeriksaan kesihatan dan saringan negara bagi mereka yang berisiko.

Pada masa ini, tiada rancangan untuk mewajibkan ujian *HIV or sexually transmitted infection* di dalam program kaunseling pra nikah yang dijalankan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama juga disokong oleh Kementerian Kesihatan, akan tetapi ujian sukarela adalah digalakkan bagi mereka yang berminat untuk mengetahui status kesihatan mereka. Pemeriksaan pra nikah yang bersesuaian boleh dijalankan secara sukarela di pusat-pusat kesihatan atau klinik swasta sebagai langkah

pencegahan dan memastikan kesejahteraan semua.

Kementerian Kesihatan akan memastikan bahawa setiap dasar yang diperkenalkan adalah berdasarkan bukti saintifik serta memenuhi keperluan masyarakat dengan kerjasama pakar perubatan, pihak berkepentingan dan agensi yang berkaitan. Kami mengalu-alukan perbincangan yang membina mengenai perkara ini dan akan memastikan setiap keputusan yang diambil berlandaskan penyelidikan yang kukuh yang mengutamakan kesihatan awam dan meningkatkan kesihatan rakyat secara adil dan berkesan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Soalan yang ketiga iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali dan ditujukan juga kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah, terima kasih atas pertanyaan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin berhubung dengan keperluan kapasiti *Child Development Centre* ataupun *CDC* dan usaha pengesanan dan intervensi awal yang lebih berkesan bagi kanak-kanak autisme.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, *Child Development Centre* ataupun *CDC*, Kementerian Kesihatan yang baru ini ditubuhkan pada tahun 2021 di Kampung Kiarong, yang mana bangunan tersebut mempunyai lima buah banglo dan satu taman permainan khas untuk kanak-kanak berkeperluan khas.

Pusat ini mengintegrasikan pelbagai perkhidmatan termasuk pakar perubatan, psikologi, terapi pertuturan dan bahasa *or SLT*, audiologi, fisioterapi dan jurupulih kerja bagi menyediakan sokongan yang menyeluruh. *CDC* berperanan sebagai pusat bagi diagnosis dan menangani kanak-kanak yang mempunyai kondisi seperti *autism*, masalah pembelajaran, *ADHD* ataupun *Attention Deficit Hyperactivity Disorder*, *cerebral palsy* dan juga Sindrom *Down* dan lain-lain.

Kementerian Kesihatan sentiasa memantau secara berterusan bagi keperluan perkhidmatan *CDC* termasuk kapasiti para doktor, jururawat dan ahli profesional kesihatan bersekutu bagi penyediaan perkhidmatan bagi menampung peningkatan keperluan kanak-kanak di bawah *CDC*. Peningkatan diagnosis kanak-kanak autisme adalah disebabkan oleh beberapa faktor termasuk peningkatan kesedaran awam dan peningkatan saringan awal di fasiliti-fasiliti kesihatan seperti Klinik Kesihatan Ibu dan Anak.

Menurut statistik *CDC*, jumlah rujukan kepada doktor telah menunjukkan

peningkatan ketara daripada 400 rujukan pada tahun 2010 kepada 1,056 rujukan pada tahun 2024. Peningkatan ini turut memberi kesan kepada tempoh menunggu perkhidmatan yang diakui sebagai satu cabaran dalam memastikan setiap kanak-kanak mendapat akses kepada intervensi yang diperlukan dengan segera. Satu sistem yang dinamakan *M-CHAT* ataupun *Modified Checklist for Autism in Toddlers* telah mula diguna pakai di pusat dan klinik kanak-kanak pada 1 Disember 2024 bagi pengesanan awal autisme dikalangan kanak-kanak berumur 18 bulan hingga 2 tahun.

Sehingga kini, seramai 3,127 anak damit telah disaring menggunakan kaedah ini dan daripada jumlah tersebut 100 orang kanak-kanak telah dirujuk ke *CDC* untuk penilaian lanjut. Dengan penggunaan sistem *M-CHAT* ini, intervensi awal dapat diberikan kepada kanak-kanak yang menunjukkan gejala autisme. Untuk makluman, kanak-kanak yang *diagnosed* adalah merangkumi spektrum yang luas bagi memanfaatkan dan meningkatkan peranan mereka, *CDC* sentiasa bergiat aktif dalam memberikan taklimat serta tunjuk ajar kepada ibu bapa dan penjaga supaya mereka dapat sama-sama memberikan sokongan yang padu kepada anak-anak mereka. Ibu bapa boleh mendapatkan perkhidmatan dari agensi-agensi bukan kerajaan yang memberikan rawatan khusus bagi kanak-kanak autisme.

Manakala *CDC* akan terus berusaha untuk meningkatkan *capacity* dan kualiti

perkhidmatannya bukan saja dalam menangani kes autisme tetapi juga bagi kondisi perkembangan kanak-kanak lain yang sama penting untuk ditangani. Kementerian Kesihatan peka akan peningkatan bilangan pesakit autisme serta menunggu tempoh yang panjang untuk mendapatkan penilaian dan pemeriksaan. Sehubungan dengan itu, kementerian akan meneliti keperluan tambahan termasuk dari segi tenaga kerja, kemudahan ruang bagi memastikan perkhidmatan yang lebih efisien dan mudah diakses. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang keempat, iaitu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin di atas pertanyaan mengenai langkah agensi kerajaan dalam merancang pelan tindakan dari hasil kajian *CSPS* mengenai pekerjaan yang akan pupus dan pekerjaan baharu

yang berkembang dan jika pelan tindakan akan diselaraskan ke dalam sistem pendidikan untuk melahirkan tenaga kerja bersedia.

Alhamdulillah, pihak kerajaan melalui Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri telah dan sedang bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan termasuk pihak *industry* dan juga institusi-institusi pendidikan dalam memastikan perancangan tenaga kerja adalah selaras dengan keperluan *industry*. Kajian yang dijalankan oleh pihak *CSPS* mengenai *Scenario Development for Job Futures Brunei Darussalam* telah menggariskan *declining, future and sustainable jobs*. Hasil kajian telah diambil kira dan diselaraskan dengan usaha-usaha perancangan tenaga kerja yang dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Perancangan Tenaga Manusia. Sebagai contoh, *future jobs* yang dikenal pasti seperti *Agricultural Ecologist, Big Data Model Designer* dan *Sustainable Energy Solutions Engineer* telah diselaraskan dengan sistem pendidikan ke arah menyediakan bekalan tenaga kerja yang bersesuaian.

Contohnya, melalui pengkemaskinian kurikulum seperti pengenalan *Model Data Analytics* dan *Machine Learning* di Institusi Pendidikan Tinggi seperti Universiti Teknologi Brunei dan Universiti Brunei Darussalam. Bagi mana-mana kursus yang belum diperkenalkan di dalam negeri seperti *Renewable Energy Engineering* disarankan untuk ditawarkan melalui Biasiswa Kerajaan

Keluar Negeri dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan Kerajaan. Bagi pekerjaan yang dikenal pasti sebagai *sustainable jobs* seperti *Registered Nurses* dan *Pharmacists*, pihak kerajaan telah memperkembangkan pengeluaran perbekalan melalui Universiti Brunei Darussalam, Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei serta *JPMC College of Health Sciences. Clinical Supervisory Program* jua telah diperkenalkan oleh Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan pada tahun 2024 bagi meningkatkan jumlah *Allied Health Professionals* tempatan. Beberapa usaha tambahan jua diadakan untuk memahami secara lebih mendalam akan keperluan *industry* melalui pengumpulan unjuran keperluan tenaga kerja ataupun *manpower forecasting* secara langsung dari syarikat-syarikat di sektor swasta di Negara Brunei Darussalam.

Dari tahun 2023 hingga tahun 2024, pihak Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan sebanyak 8 sesi perkongsian dan pengumpulan *data* bagi *manpower forecasting* yang telah disertai oleh lebih dari 300 buah syarikat-syarikat di sektor swasta. Hasil daripada sesi-sesi berkenaan telah membantu pihak kerajaan dalam mengenal pasti bidang kemahiran, kelulusan dan jumlah yang diperlukan untuk memenuhi keperluan *industry*. Secara keseluruhannya, pihak *industry* memberi penekanan pada bidang *STEM*, Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik serta

bidang kesihatan. Penekanan jua diberikan kepada pengukuhan kemahiran asas dan *transferable skills* seperti *analytical thinking* dan *systems thinking* di kalangan lepasan sekolah dan graduan agar mereka dapat memasuki pasaran kerja yang dinamik di pelbagai *industry*. Kemahiran berkenaan dijangka akan terus dipertingkatkan melalui latihan *on the job* secara berterusan di tempat kerja selaras dengan hasil kajian *CSPS* yang dirujuk.

Dapatan dan saranan dikumpulkan telah dikongsikan secara berterusan kepada institusi-institusi pengajian tinggi dan sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam melalui pelbagai *platform* termasuk Jawatankuasa Khas Bertindak Pengajian Tinggi dan Jawatankuasa Biasiswa yang telah digunakan sebagai prinsip panduan dalam menilai pemilihan bidang-bidang kursus yang diutamakan bagi pembiayaan kerajaan.

Selain itu, maklumat berkenaan juga digunakan dalam meneliti dan menambah baik kursus latihan yang sedia ada termasuk memperkukuhkan lagi kemahiran asas, *soft skills* agar sentiasa *relevant* dan *adaptive* dengan keperluan semasa. Dalam pada itu, pihak Pejabat Perancangan Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan perbincangan awal dengan pihak *CSPS* mengenai pengkemaskinian kajian agar selaras dengan keadaan semasa. Insya Allah, usaha-usaha ini akan berterusan dengan mengambil kira pasaran kerja yang dinamik bukan saja di Negara Brunei Darussalam malahan jua di peringkat antarabangsa. Sekian

saja dapat kaola sampaikan, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang kelima iaitu dari Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali iaitu juga ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, saya persilakan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Bismillahir Rahmanir Rahim, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin di atas soalan peraturan pekerjaan bagi penjawat-penjawat awam yang digantung kerja betahun-tahun di atas tuduhan yang belum sah dari segi tempoh masa penyiasatan, *statute of limitations* atas pegawai berkenaan bagi memastikan keadilan dan mengelakkan kezaliman.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tindakan penggantungan ini adalah berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri 19/1998, Kuasa Menahan Gaji dan Menggantung daripada Menjalankan Tugas dan Tanggungjawab perenggan 3.1, Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan hendaklah menahan separuh daripada gaji dan segala elaun pegawai kakitangan berkenaan serta menggantung daripada menjalankan

tugas dan kewajibannya dengan serta merta, setelah menerima laporan dari agensi kerajaan mengenai penglibatan pegawai-pegawai kakitangan dalam kes jenayah yang melibatkan ketidakjujuran seperti curi, pecah amanah, rasuah atau mana-mana kesalahan yang melibatkan jawatannya atau kesalahan-kesalahan undang-undang atau peraturan yang ditetapkan oleh Penguasa Tatatertib dari satu masa ke satu masa seperti Akta Penyalahgunaan Dadah dan Akta Racun.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, SPA memerlukan maklumat lengkap segera dan teratur daripada agensi kerajaan dalam mempertimbangkan tindakan tatatertib selaras dengan peraturan berkuat kuasa. Sokongan dibuat berdasarkan laporan siasatan mengikut perbincangan dan maklumat agensi penguatkuasa untuk menilai sama ada pegawai berkenaan perlu dikenakan tindakan disiplin atau sebaliknya.

Manakala dari segi perundangan, kaola memaklumkan bahawa undang-undang jenayah di Negara Brunei Darussalam tidak memperuntukan bagi *statute of limitation* atau tempoh yang meghadkan bila pendakwaan jenayah dapat di bawa ke mahkamah. Sehubungan dengan itu perlu jua diingatkan bahawa proses serta prosedur mana-mana pendakwaan adalah di bawah bidang kuasa mahkamah dan adalah tertakluk juga kepada undang-undang berkenaan yang komprehensif serta menumpukan kepada *due process*.

Seperti Yang Berhormat Dr. sedia maklum, pihak mahkamah atau

kehakiman, *judiciary* adalah cabang kerajaan yang berasingan daripada Jabatan Perdana Menteri yang mana bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri adalah di bawah cabang *executive*.

Oleh yang demikian bagi memastikan *independence of judiciary*, proses-proses mahkamah terutamanya pengendalian kes-kes jenayah tidak di atur atau pun dipengaruhi oleh mana-mana kementerian di bawah cabang *executive* Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Pemisahan ini adalah bagi memastikan keadilan dan menegakkan kedaulatan undang-undang.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sampaikan. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang keenam, dari Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Bismillahir Rahmanir Rahim. (*Doa dibaca*).

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan atas soalan yang diutarakan.

Kementerian Pembangunan, melalui Jabatan Saliran dan Pembetulan, Jabatan Kerja Raya telah mengambil satu

langkah bagi menilai dan menaik taraf sistem saliran di beberapa tempat di seluruh negara, termasuklah kawasan yang sebutkan didalam soalan Ahli Yang Berhormat tadi.

Jabatan Saliran dan Pambetungan sebelum ini telah melaksanakan satu kontrak penggal pemeliharaan bernilai \$140,000.00 yang dikhususkan bagi penyelenggaraan sistem saliran di kawasan sekitar Simpang 77 dan Simpang 283 Kampung Lambak A, serta kawasan Sekolah PGGMB Lambak B, seperti yang disebutkan oleh di dalam soalan Ahli Yang Berhormat tadi. Kontrak ini merangkumi kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan berkala bagi longkang dan sistem saliran kawasan tersebut, bagi memastikan tiada aliran yang tersumbat serta supaya aliran air berjalan dengan lancar.

Dalam usaha mengurangkan risiko banjir berulang dan meningkatkan keberkesanan sistem saliran di kawasan yang sama, Jabatan Saliran dan Pambetungan juga memperuntukkan \$236,000 melalui Perbelanjaan Berulang-Ulang bagi melaksanakan kerja-kerja pengorekan di bahagian hilir, khususnya di Sungai Antong dan Sungai Mangsalut.

Pengorekan ini bertujuan meningkatkan kapasiti sungai dalam menampung jumlah air, jumlah air hujan yang tinggi serta mencegah penyumbatan akibat mendapan. Dengan pengorekan yang lebih berkesan, Insya Allah risiko limpahan air di kawasan berdekatan dapat ditangani dan dikurangkan,

terutama semasa kejadian hujan lebat yang berpanjangan.

Sebagai usaha berterusan, Jabatan Saliran dan Pambetungan juga akan meneruskan kajian bagi menilai keberkesanan sistem saliran yang sedia ada serta akan mengambil langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil. Antara fokus kajian ini termasuk; membesarkan longkang iaitu meningkatkan kapasiti kandungan air bagi mengelakkan limpahan yang boleh mengakibatkan banjir kilat;

Kedua, meningkatkan kecekapan sistem saliran dengan mengoptimumkan reka bentuk longkang dan sistem saliran bagi memastikan aliran air yang lebih lancar dan mengurangkan risiko penyumbatan. Ketiga ialah, meningkatkan kapasiti saliran melalui pemasangan culvert baharu serta pembinaan longkang konkrit di kawasan kritikal yang sering mengalami masalah air yang bertakung.

Langkah-langkah ini juga sedang diambil di beberapa projek yang sedang berjalan pada masa ini. Dan ini juga mencerminkan usaha berterusan kementerian dan Jabatan Saliran dalam menangani cabaran-cabaran saliran yang dihadapi secara menyeluruh dan untuk memastikan infrastruktur saliran yang lebih mampan dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran-cabaran iklim dan cuaca yang tidak menentu. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang ketujuh, dari Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, yang juga ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dengan soalan yang dibangkitkan ini.

Antara lain soalan ini ialah untuk mengetahui mengenai agensi mana yang bertanggungjawab untuk memantau mutu kerja dan kerosakan kecil yang menjejaskan kualiti bangunan bagi struktur bangunan di bawah Skim Perumahan Negara, SPN.

Untuk makluman, kualiti pembinaan bangunan di bawah Skim Perumahan Negara, SPN adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kemajuan Perumahan iaitu selaku agensi pelaksana projek perumahan negara. Jabatan Kemajuan Perumahan melalui pegawai projek termasuk Pengawas-Pengawas dan *Site Staff* bersama kontraktor dan *consultant* yang dilantik adalah dipertanggungjawabkan untuk memantau mutu kerja pembinaan bagi memastikan ianya memenuhi skop spesifikasi dan piawaian yang ditetapkan.

Sebaik sahaja projek perumahan negara ini siap, Jabatan Kemajuan Perumahan akan mengadakan pemeriksaan bersama agensi-agensi teknikal dan jabatan-

jabatan yang berkaitan sebelum peruntukan rumah ini diluluskan dan kemudiannya diperuntukan kepada pemohon-pemohon yang berkecukupan.

Untuk itu peranan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan, *ABCI* adalah khusus tertumpu kepada proses koordinasi dengan agensi-agensi yang berkaitan dalam pengeluaran kebenaran untuk memulakan projek dan kemudian apabila bangunan telah siap dengan koordinasi agensi-agensi yang relevan ialah untuk mengeluarkan *Occupancy Permit*, *OP* iaitu sijil kebenaran menduduki bangunan.

Peranan *ABCI* adalah memastikan aspek keselamatan dan pematuhan bangunan adalah mengikut peraturan dan dapat disahkan melalui pemeriksaan teknikal dan juga kelulusan oleh agensi-agensi seperti Jabatan Tanah, Jabatan Jalan Raya, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Saliran dan Pembetulan, Jabatan Bomba dan sebagainya sebelum *OP* ini dikeluarkan. Selepas *OP*, *Occupancy Permit* ini dikeluarkan dan rumah telah mula didiami, sebarang isu kualiti atau kerosakan bangunan yang berbangkit adalah tidak terletak di bawah tanggungan *ABCI*. Sekali lagi, yang *ABCI* ini peranannya adalah kebenaran proses untuk memulakan kerja bagi kemajuan iaitu *planning permission* dan kemudiannya mengeluarkan kelulusan *occupancy permit*.

Bagi rumah-rumah dimana peruntukan rumah di bawah SPN telah diserahkan kepada pemilik rumah, pemantauan mutu kerja dan penyelenggaraan

bangunan adalah di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Perumahan. Jabatan Kemajuan Perumahan akan memantau keadaan rumah kediaman melalui aduan yang diterima daripada pemilik rumah, pemeriksaan susulan dan maklum balas daripada pemilik rumah. Jadi bagi rumah-rumah yang baharu, lazimnya terdapat tempoh tanggungan kecacatan, *defects liability period* di mana kontraktor bertanggungjawab membaiki sebarang kerosakan kecil yang timbul selepas rumah-rumah ini diperuntukan. Pihak Jabatan Kemajuan Perumahan akan memastikan kontraktor membaiki kerosakan tersebut dalam tempoh jaminan yang disebutkan.

Sekiranya kerosakan rumah berlaku di luar tempoh jaminan kerja-kerja pembaikan, maka sebarang tanggungan akan dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan atau dengan kerjasama agensi teknikal lain secara *case-by-case basis* tertakluk bila rumah-rumah tersebut diperuntukan dan jenis kerosakan yang dihadapi.

Contohnya, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan mempunyai peruntukan di bawah tajuk Perbelanjaan Berulang-Ulang iaitu Penyelenggaraan dan Pembaikan Aset dengan jumlah sebanyak \$2.7 juta bagi menjaga kemudahan awam, aset dan pemeliharaan 25 kawasan Skim Perpindahan Negara di keempat-empat daerah. Peruntukan ini digunakan bagi membiayai kerja-kerja seperti membaikpulih rumah yang rosak, pemeliharaan aset, membersihkan, serta membaik pulih longkang dan perparitan,

serta penyelenggaraan landskap di kawasan perumahan negara bagi memastikan persekitaran kawasan Skim Perpindahan Negara akan sentiasa terpelihara.

Dari segi mekanisme, jika terdapatnya aduan kerosakan, penghuni atau pemilik rumah di bawah skim ini yang mendapati sebarang kerosakan pada rumah atau kemudahan sekitarnya boleh menyalurkan aduan mereka dengan mengisikan borang aduan yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan atau membuat aduan terus kepada Jabatan Kemajuan Perumahan.

Tindakan susulan akan diambil berdasarkan kepada jenis dan tahap kerosakan rumah yang diadukan, sekiranya kerosakan kecil umpamanya keretakan pada dinding, kebocoran paip, kerosakan jubin dan sebagainya, pembaikan akan diatur melalui kontraktor asal, jika masih dalam tanggungan. Bagi kerosakan yang lebih serius atau melibatkan keselamatan, Jabatan Kemajuan Perumahan akan bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya dan agensi berkaitan untuk tindakan, termasuk kemungkinan memindahkan penghuni rumah secara sementara bagi memberikan ruang untuk pembaikan ke atas rumah dibuat. Atulah jawapan yang kaola dapat sediakan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan yang kelapan, ini soalan yang saya suka. Yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin

Haji Othman yang juga ditujukannya kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola pun suka soalan ani Yang Berhormat Pehin, *because* kaola pun akan mencapai umur atu jua tu. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman atas pertanyaan mengenai diskaun yang ditawarkan oleh Syarikat Penerbangan Diraja Brunei khususnya bagi warga emas.

Sukacita disampaikan bahawa sejak bulan Oktober 2023, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah memperkenalkan satu program iaitu *RB Diamond Discounts* khusus bagi warga emas berumur 60 tahun ke atas. Inisiatif ini menawarkan diskaun tiket penerbangan sehingga 10%, *up to 10%*, sehingga 10%, bukannya *fixed* 10% tu Yang Berhormat Pehin, sehingga 10%, bagi apa tu, warga emas tertakluk jua kepada beberapa syarat yang ditetapkan. Jadi warga emas yang berkecukupan perlulah membuat tempahan di kaunter Pusat Khidmat Pelanggan Syarikat *RB* untuk mendapatkan diskaun yang tertentu bagi tiket penerbangan tertakluk kepada syarat-syarat yang tertentu.

Atulah satu, diharapkan satu jawapan yang dapat disambut baik jua dalam perkara ani Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Jadi, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman ada baiknya mengikuti apa syarat-syarat dan memenuhi syarat-syarat yang berkenaan dan menempah tiket masing-masing di *RBA* kaunter. Terima kasih.

Sekarang, kita beralih kepada soalan yang kesembilan. Iaitu dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof yang ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera sekali lagi. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Soalan ini serba sedikit sudah kaola jawab dari soalan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin atu secara ringkas lah. Izinkan kaola menjawab dengan penuh di sini, Yang Berhormat.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah. Terima kasih atas pertanyaan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof berhubung dengan usaha-usaha

yang diambil oleh Kementerian Kesihatan dalam menangani dan mengelakkan *brain drain* di kalangan profesional kepakaran perubatan tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, isu *brain drain* ini seperti saya nyatakan tempoh hari adalah dianggap *global issue* yang mana dianggap, di mana dilalui oleh setiap negara dan ianya memang satu cabaran bagi bidang kesihatan terutamanya untuk memastikan kecukupan kepakaran dan tenaga kerja. *Brain drain* dilihat dari segi doktor tempatan yang menamatkan perkhidmatan dengan kerajaan dan juga doktor tempatan yang tidak balik ke Negara Brunei Darussalam selepas tamat pengajian di luar negara.

Ianya sememangnya adalah menjadi kerisauan pihak Kementerian Kesihatan, jika ada doktor-doktor berhasrat untuk menamatkan perkhidmatan. Ini mengambil kira pelaburan besar negara kepada kos pendidikan yang telah mereka ikuti dalam memperolehi ijazah kedoktoran. Kementerian Kesihatan sememangnya berharap para doktor akan berkhidmat di Negara Brunei Darussalam untuk menyumbangkan kepada kemajuan sistem kesihatan dan kepada status kesihatan penduduk di negara ini.

Doktor yang menamatkan perkhidmatan dan masih meneruskan kerjaya di hospital dan klinik-klinik swasta dalam negara akan dapat memberikan sumbangan kepada penjagaan kesihatan rakyat dan penduduk Negara Brunei

Darussalam yang merupakan sumbangan positif kepada sistem kesihatan negara. Terdapat juga doktor berpengalaman yang menamatkan perkhidmatan dan berhijrah untuk terus bertugas di luar negara. Perkara ini adalah satu kerugian yang amat besar pada negara kitani.

Walau bagaimanapun, setiap individu mempunyai alasan peribadi sendiri untuk menamatkan perkhidmatan termasuk tawaran pekerjaan di luar negara yang di luar kawalan kementerian ini. Jika dilihat sudut positif, ini menunjukkan pengalaman dan kualiti doktor tempatan di negara ini adalah diiktiraf serta mampu bersaing dengan *professional* di luar negara.

Terdapat jua sejumlah yang signifikan di mana graduan biasiswa yang belum balik untuk berkhidmat sejurus tamat pengajian. Setakat ini dijangkakan lebih daripada 50 graduan biasiswa kerajaan yang telah tamat pengajian perubatan didapati belum balik ke Negara Brunei Darussalam. Langkah untuk memanjangkan tempoh *bond* bagi penuntut biasiswa tidak dapat menjamin untuk mereka kembali bertugas di negara ini, malahan ianya berkemungkinan akan menjejaskan minat penuntut-penuntut untuk mengikuti bidang kedoktoran.

Kementerian Kesihatan sentiasa berterusan mengukuhkan usaha pemantauan graduan-graduan ini dengan kerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan agar *Returns on*

Investment dapat dicapai iaitu pelaburan kerajaan yang telah menganugerahkan biasiswa kepada mereka. Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan juga bekerjasama rapat dengan agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Pejabat Peguam Negara dalam usaha-usaha yang tertentu bagi memastikan mereka ini akan melapor pada pihak-pihak yang berkenaan serta perlaksanaan tuntutan bayaran balik ikat janji biasiswa.

Kementerian juga giat berusaha dalam rancangan pengekalan, *retention plan* yang dijangka akan dapat memberikan motivasi kepada doktor tempatan untuk terus berkhidmat dalam negara, seperti contoh usaha-usaha dari sudut pembangunan kapasiti or *capacity building* dari segi klinikal dan kepimpinan untuk memberikan mereka peluang mendapatkan pengetahuan terkini dalam bidang perubatan dan kesihatan serta menjadikan mereka pakar dan konsultan dalam bidang masing-masing. Dengan peluang-peluang yang diberikan, diharapkan para doktor akan lebih bermotivasi untuk memberikan sumbangan kepada negara dalam mengembang maju dan menambah baik perkhidmatan yang ada.

Selain itu, kementerian juga menitikberatkan insentif kewangan termasuk pemberian gaji yang kompetitif bagi menarik dan mengekalkan tenaga kerja perubatan yang berkualiti. Pembangunan *professional* dan laluan kerjaya turut diberikan perhatian dengan

menyediakan peluang latihan lanjutan serta *succession planning* yang jelas bagi memastikan pertumbuhan kerja or kerjaya yang lebih terarah.

Dalam usaha meningkatkan kadar tempat kerja, kementerian memberi tumpuan kepada pengurusan beban kerja dengan memastikan tenaga kerja yang mencukupi bagi mengelakkan keletihan melampau atau pun *burnout* serta menyediakan kemudahan moden seperti peralatan perubatan terkini, teknologi yang selaras dengan perkembangan semasa dan sumber perubatan yang mencetuskan motivasi dalam kalangan doktor. Langkah-langkah keselamatan turut diberi keutamaan, terutama dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat khususnya di kawasan yang berisiko tinggi.

Kementerian juga menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan atau pun *work-life balance*. Dengan menyediakan sokongan kesihatan mental bagi kesejahteraan doktor. Dalam aspek pengiktirafan dan keterlibatan, usaha seperti penganugerahan dan penghargaan atas sumbangan mereka termasuk Pengurniaan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan serta penglibatan mereka dalam proses penggubalan dasar bagi memperkukuhkan sistem kesihatan negara juga diberi perhatian.

Bagi memastikan pelan pengekalan ini berkesan, pemantauan dan penyesuaian berterusan akan dilakukan melalui dasar

berpandukan data termasuk menjalankan temuduga keluar *or exit interview* bagi mengenal pasti trend dan strategi penambahan baik serta mewujudkan mekanisme maklum balas yang kerap untuk menangani isu-isu yang timbul dalam kalangan tenaga kerja kesihatan. Dan di samping itu Kementerian Kesihatan juga sering mengadakan *town hall* di empat-empat daerah untuk mengenal pasti segala kesulitan atau pun kepayahan yang dihadapi oleh bukan sahaja doktor tetapi jururawat dan pakar-pakar kesihatan yang lain juga. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Soalan yang kesepuluh, iaitu Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed yang juga ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah. Terima kasih pada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed atas pertanyaan berhubung dengan peningkatan kos perkhidmatan kesihatan. Sememangnya isu ini perlu kitani bincangkan bersama di peringkat negara. Dalam usaha kerajaan dalam memastikan perkhidmatan kesihatan di negara ini sentiasa mantap dan berdaya tahan, perlulah ada perkhidmatan di sektor swasta yang mantap dan kukuh bagi memberikan peluang kepada masyarakat untuk membuat pilihan perkhidmatan yang diperlukan.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan komited dalam mendukung *Ease of Doing Business* dengan memudahkan peraturan-peraturan dan persyaratan untuk membuka syarikat institusi kesihatan swasta. Setakat ini sebanyak 55 buah klinik perubatan swasta beroperasi di negara ini. Dengan peningkatan sebanyak 8 buah klinik baru dalam tempoh 12 bulan kebelakangan. Di samping itu, setakat ini terdapat 9 buah klinik pergigian swasta dan 5 buah fasiliti yang menawarkan perkhidmatan *Professional* Kesihatan Bersekutu seperti *psychology*, *speech therapy* dan *physiotherapy*.

Dengan adanya klinik dan fasiliti swasta tersebut dapat meningkatkan *accessibility* dan memberikan pilihan terhadap orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan. Adalah difahami kos operasi perniagaan di negara ini tinggi terutama sekali kos pembelian ubat dan peralatan perubatan yang mana negara ini diklasifikasikan sebagai negara yang berpendapatan tinggi. Di samping itu, *cost line* seperti sewa juga tinggi. Oleh itu, kaola mengalu-alukan semua pihak bertindak sebagai *whole-of-nation* untuk sama-sama membantu dalam mengurangkan kadar bayaran caj bukan sahaja klinik-klinik swasta malah memberi dukungan termasuk pembekal peralatan, kadar sewa khas untuk klinik dan sebagainya.

Selain itu dalam usaha pihak kerajaan untuk mendukung perkembangan sektor swasta, Kementerian Kesihatan dengan bantuan Pusat Pekerjaan Brunei

di Jabatan Perdana Menteri telah mengendalikan *Clinical Supervisory Program or CSP* yang bertujuan untuk menyediakan belia-belia yang mempunyai kelulusan dalam bidang-bidang *Professional* Kesihatan Bersekutu atau pun *Allied Health Professionals* untuk menjalani latihan *professional* dan mendapatkan pendaftaran penuh melalui latihan praktikal yang berstruktur selama 18 bulan di sektor awam dan swasta.

Program ini membolehkan peserta tersebut diiktiraf sebagai pengamal di bidang berkenaan dengan kompeten, selamat dan *independent* termasuk perkhidmatan seperti *physiotherapy*, *pharmacy*, *speech therapy*, ujian makmal x-ray dan prosedur *diagnostic line* yang tersedia di pasaran. Dengan adanya *CSP*, para profesional kesihatan dapat memanfaatkan peluang ini untuk mengembangkan kepakaran mereka sama ada di pihak kerajaan atau pun swasta. Sekali gus menyumbang kepada peningkatan kualiti penjagaan kesihatan di negara ini dan memperluaskan akses rawatan bagi masyarakat dan secara langsung mengurangkan perbelanjaan kesihatan awam. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Soalan yang kesebelas, iaitu soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola mohon izin bagi pertanyaan sebelas, tiga belas, empat belas dan lima belas untuk dikumpulkan dan dijawab sebagai Kenyataan Menteri pada hari Sabtu ini. Manakala pertanyaan nombor dua belas kaola ingin menjawab di Dewan ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Jadi, soalan sebelas, tiga belas, empat belas dan lima belas akan dijawab pada hari Sabtu.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Insya Allah, insya Allah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Dan hari ini Yang Berhormat akan menjawab soalan dua belas.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Dua belas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Soalan kedua belas ialah soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin. Untuk *efficiency* perjalanan mesyuarat, maka saya membenarkan permohonan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin berterima kasih berterima kasih atas pertanyaan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin berkenaan dengan program-program latihan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan-perkhidmatan hospitaliti dan *services*, khususnya yang melibatkan golongan belia.

Dalam usaha meningkatkan kapasiti dan kualiti perkhidmatan dalam sektor hospitaliti dan perkhidmatan yang disediakan untuk para pengunjung dan pelawat, kementerian ini telah melaksanakan berbagai program dan kursus latihan yang melibatkan golongan belia. Ini termasuklah 17 jenis kursus latihan dan tiga Program *Knowledge Transfer* telah dilaksanakan dan lebih 300 orang telah menyertai bagi tahun 2024. Kursus dan latihan tersebut antaranya adalah *Basic Bird Watching*, *Specialized Tourist Guide Course*, *Bandar Seri Begawan Heritage Trail* dan *Knowledge Training in Storytelling*. Kursus perkhidmatan pelanggan juga dilaksanakan dengan kerjasama dengan SEAMEO VOCTECH.

Pihak selain daripada itu, pihak kementerian dengan kerjasama kedutaan-kedutaan negara sahabat juga

telah mengungkayahkan kursus-kursus bahasa seperti Bahasa Rusia, Turki dan Mandarin. Disamping itu, institusi-institusi pendidikan seperti *IBTE* dan juga kolej swasta secara aktif mengungkayahkan latihan-latihan dalam perkhidmatan hospitaliti seperti latihan dalam penyajian makanan dan perhotelan.

Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua. Memandangkan pentingnya kualiti perkhidmatan di sektor pelancongan dalam...memandangkan pentingnya kualiti perkhidmatan di sektor pelancongan dalam menarik lebih ramai pelancong ke negara ini, kementerian akan secara terus menerus melaksanakan program dan program latihan dan *capacity building* dalam hospitaliti, pertamanya, kepada golongan belia yang berminat. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih kepada Urusan Mesyuarat seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Rang Undang-Undang dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan. Perbahasan Peringkat Jawatankuasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang 2025 Perbekalan 2025/2026 dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan. Sekarang saya tangguhkan Persidangan ini, dan kita seterusnya akan meneruskan perbahasan Peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula bagi menyambung penelitian atas Tajuk-Tajuk di Peringkat Jawatankuasa.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SF01A hingga SF06A. Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tajuk SF01A - SF06A. Kementerian Pendidikan. Sekarang saya buka untuk dibahaskan. Saya akan mempersilakan kumpulan pertama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang Dilantik yang suka untuk menyertai perbahasan ini, dimulai dengan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, diikuti dengan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir. Silakan.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Kaola ada beberapa soalan berkaitan dengan Tajuk SF03A - Universiti Islam Sultan Sharif Ali, UNISSA. Kaola merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama bagi institusi ini yang menyatakan peratus graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian. KPI ini merekodkan pencapaian sebenar 57% pada Tahun Kewangan 2023/2024 dan anggaran serta sasaran antara 58% sehingga 61% bagi Tahun-Tahun Kewangan bermula 2024 sehingga 2028.

Pencapaian dan sasaran ini masih ditahap yang agak rendah berbanding universiti-universiti lain yang ada di negara ini. Sebagai satu-satunya universiti Islam di negara ini, UNISSA berpotensi tinggi untuk mempertingkatkan pencapaian ini dengan mengembangluaskan peluang-peluang pekerjaan bagi graduan-graduan lepasan universiti ini, mengambilkira kepelbagaian program-program pengajian yang ditawarkan seperti Fakulti Pertanian, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Fakulti Teknologi Islam dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban disamping program-program pengajian Bahasa Arab dan Ugama yang disediakan.

Oleh itu, kaola mohon pencerahan mengenai inisiatif strategik pihak Kementerian Pendidikan dan juga pihak UNISSA sendiri untuk mempertingkatkan lagi kebolehpasaran dan kebolehkerjaan lepasan-lepasan universiti ini ke pasaran kerja yang lebih luas berdasarkan bidang pengajian yang dikuti, sama ada dalam untuk berkhidmat di dalam negara

mahupun di luar negara. Sebagaimana yang dikatakan, *brain gain* untuk membina menimba lebih banyak pengetahuan, pengalaman kerja serta kemahiran khususnya dari luar negara dalam tempoh masa yang ditetapkan untuk kembali ke Negara Brunei Darussalam dan menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Seterusnya, bagaimanakah program *Study Abroad Programme, SAP* dapat dimanfaatkan ke arah usaha meningkatkan kebolehkkerja, kebolehpasaran dan kebolehkkerjaan graduan-graduan ini? Kaola mendapat maklum, penyertaan pelajar dalam program tersebut amat terhad, disebabkan pemilihan ataupun peraturan yang agak ketat. Dalam hal ini, kaola turut menyarankan agar syarat dan peraturannya disemak semula untuk memberikan peluang kepada lebih ramai pelajar mendapat manfaat daripada program ini dalam mempertingkatkan pengalaman, kemahiran dan kesiapsagaan mereka.

Dan seterusnya, bagaimanakah inisiatif kolaborasi pihak kementerian dan UNISSA dengan agensi-agensi perkhidmatan perindustrian dan perbankan di dalam negeri dan mungkin juga di luar negeri dapat dimanfaatkan ke arah usaha meningkatkan pencapaian ini agar para graduan dapat menyumbang terus kepada perkembangan industri dan kemajuan negara.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, terima kasih di atas peluang bagi membahaskan Belanjawan Peruntukan Kewangan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 2025/2026.

Kaola mengharapkan agar matlamat dan sasaran ke arah menyumbang kepada pembangunan rakyat, *nation building*, dan pertubuhan sosioekonomi, *socioeconomic growth* sejajar dengan visi Kementerian Pendidikan iaitu pendidik berkualiti ke arah negara yang maju, aman sejahtera dan makmur dapat direalisasikan dengan jayanya.

Kaola merujuk kepada Akaun 1201 Mengukuhkan Kemudahan Akses Pendidikan iaitu sejumlah \$72.6 juta di bawah harga Rancangan Kemajuan Negara, RKN Ke-12 dan sejumlah \$3.7 juta dianggarkan bagi peruntukan tahun 2025/2026 yang mana kebanyakan projek-projek yang disenaraikan meliputi kerja-kerja tambahan dan menaik taraf bangunan-bangunan sekolah.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan apakah ada perancangan bagi menaik taraf bangunan sekolah-sekolah di kawasan pendalaman

termasuklah penyediaan kemudahan pasarana sukan seperti di Sekolah Rendah Merangking, Ulu Belait.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Di-Pertua Pengerusi. Kaola ada mempunyai beberapa soalan, teruskan saja.

SF01A Jabatan Kementerian Pendidikan, 007/000 yakni di bawah Lain-Lain Program dan Institusi Pendidikan membawa bajet \$2.433 juta. Objektifnya ialah sistem pendidikan inklusif untuk memenuhi keperluan khas pelajar-pelajar mengambil kira penyediaan program-program pendidikan, pembekalan sumber dan peralatan khas bagi Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas.

Dengan bilangan tenaga pelajar yang masih kekal pada 151 dan peningkatan jumlah Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas seluruh negara, kaola ingin memohon pencerahan adakah peruntukan yang sedia ada mampu menyokong semua keperluan dan ada usaha untuk menyokong tenaga pengajar yang mempunyai murid berkeperluan khas yang memerlukan perhatian khusus tanpa mengabaikan murid-murid lain di dalam kelasnya. Mohon juga pencerahan kalau ada program-program untuk memberi

pendekatan kesefahaman kepada teman-teman sedarjah dan indung atau penjaga sedarjah agar mereka bertoleransi dan membantu pembangunan anak-anak istimewa ini dan anak-anak mereka supaya bergaul dengan sihat di dalam kelas.

Isu kedua adalah *KPI percentage* murid-murid mendapat 5A ke C dalam PSR. Pencapaian sebenar pada tahun 2023 adalah 71.5% tetapi anggaran dan sasaran bagi tahun-tahun berikutnya menurun kepada 62 ke 67%. Soalannya ialah mengapa *ditargetkan* untuk pencapaian menurun bukan lebih naik? Adakah sudah tiba masanya untuk kementerian mempertimbangkan pengenalan piawaian antarabangsa seperti yang diseng... yang *adopted* oleh sekolah-sekolah antarabangsa di Brunei dan menggantikan PSR sebagai penilaian pelajar. Kaola menyampaikan kebingungan yang *parents* akan impak *stress* yang tinggi yang terlalu awal ke atas kanak-kanak yang dipaksa meng*cramp so* agar mendapat kelulusan yang boleh dinilai yang *alternative process* yang lebih fokus kepada *knowledge application rather than* hafalan atau pun *memorisation*.

Soalan ketiga, SF06A – MOE, Institut Pendidikan Teknikal Brunei. *KPI* jumlah kenaikan kemasukan pelajar tahun 2024/2025, 2,350 tapi dijangkakan pengambilannya menurun ke 2,100 pada tahun 2027/2028. Menunjukkan program-program latihan IBTE sangat diminati dan *having good employability*, apakah rancangan MOE IBTE untuk

meningkatkan infrastruktur agar dapat menaikkan kemasukan pelajar terutama memastikan pelajar-pelajar yang kurang cenderung akademik, yang lebih cenderung ke arah vokasional atau memang *late bloomers* yang tidak dapat *good O-Levels* dan berlainan keupaya diberi keutamaan sama dalam *slot-slot* yang terhad ini, maklum kini IBTE lebih banyak diisi oleh pelajar-pelajar yang banyak kelebihan kecemerlangan akademik.

Kod 222115 Bantuan Geran Pemindahan dan Subsidi, bajet \$40.195 juta. Kaola ingin mohon pencerahan tentang skim makanan mungkin termasuk dalam kod ini, kalau bukan harap maaf. Menurut keterangan Yang Berhormat Menteri Pendidikan tentang Skim Pemakanan dan Bantuan Asrama, kaola difahamkan tidak semua sekolah-sekolah ada skim pemakanan untuk setiap kanak-kanak di bawah 12 tahun seluruh negara. Yang kaola maksudkan di sini ialah bantuan makanan di luar skim pemakanan kepada kanak-kanak di bawah 12 tahun seperti anak orang berpendapatan rendah tapi tidak layak menerima skim bantuan makanan atau pun asrama.

Disebabkan skim persekolahan integrasi, kanak-kanak terus di sekolah sampai ke petang. Diketahui ada kanak-kanak di sekolah rendah tidak ada duit belanja atau dibekalkan makanan dari rumah dan kelaparan di waktu sekolah. Apakah program untuk mengenal pasti keramaian kanak-kanak dalam golongan ini dan bagaimana pihak kementerian boleh membantu sebagai *focus group*

agar kanak-kanak ini menerima bantuan makanan? Itu saja. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola merujuk kepada Kod 002/000 Perancangan Sektor Pemantauan dan Perkembangan Sistem bagi meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini di dalam semua peringkat dengan mengukuhkan tahap infrastruktur, guru, pelajaran dan pembelajaran. Dalam pada itu, kaola menyentuh berkenaan dengan isu disiplin di kalangan guru, merujuk kepada masalah yang berkaitan dengan tingkah laku dan etika profesional guru dalam menjalankan tugas mereka. Walau bagaimanapun, guru diharapkan menjadi contoh teladan kepada pelajar, terdapat beberapa isu disiplin yang boleh berlaku dalam kalangan guru yang boleh memberi kesan terhadap kualiti pendidikan dan persekitaran sekolah.

Ini termasuklah kelewatan atau ketidakhadiran tanpa alasan. Penggunaan kekerasan atau tindakan tidak profesional terhadap pelajar, kurangnya etika profesional dalam berinteraksi dengan pelajar atau ibu bapa dan pengabaian. Okay tolong saya, tolong jawab. Ini termasuklah isu

gangguan seksual di kalangan guru dan pelajar yang boleh memberi imej yang negatif kepada institusi pendidikan. Justeru itu, apakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mengatasi isu-isu yang kaola nyatakan. Sekian saja, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Indera Pahlawan Dato Seri Setia
Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:**

Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.
Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kaola meneliti peruntukan yang dicadangkan Kementerian Pendidikan dan kaola menyokong sepenuhnya peruntukan yang telah diberikan, kerana kaola berpendapat ia adalah merupakan satu pelaburan yang mana pulangnya adalah penting dalam menentukan masa depan negara. Namun juga demikian kaola juga berharap setiap peruntukan untuk membiayai program yang dilaksanakan berhasil mencapai matlamatnya dan menunjukkan peningkatan.

Sebab itu kaola membangkitkan isu yang dalam *indicator* jabatan Kementerian Pendidikan bahawa peratus pelajar yang memperolehi sekurang-kurangnya 5 'O' Level dan IGCSE bagi tahun akan datang bermula tahun 2024/2025 disasarkan hanya sekitar hanya 46.78% hingga 48.51%. Ini membagi gambaran yang negatif dan menimbulkan kebimbangan, adakah ini

bermakna berapa banyak pun usaha Kementerian Pendidikan, lebih daripada 5% pelajar akan sukar untuk mencapai lebih dari 5 'O' Level dan IGCSE. Isu yang berkaitan ialah, ke manakah mereka ini selepas tidak mencapai 5 'O' Level. Mengapakah sasaran yang hendak dicapai setakat 48.1% sahaja dan dapatkah perkara ini diperbaiki dengan mencapai sasaran yang baru?

Soalan kaola kedua ialah mengenai dengan peruntukan bagi program *Early Childhood Education*. Ini bagi kanak-kanak yang berumur 5 tahun. Tahun lepas 2024, Kementerian Pendidikan mengadakan 6 buah sekolah sebagai *pilot school* bagi *Early Childhood Education*. Dan tahun ini kalau kaola anda silap sebanyak 22 buah sekolah. Kaola sememangnya menyokong diadakan *Early Childhood Education* sebab di antara faedahnya ialah membantu pembangunan *cognitive* dan *social skill* kanak-kanak. Dan untuk misi ini berjaya mesti ada kurikulumnya dan *resources* sekolah yang mencukupi, seperti sudut membaca (*reading corners*) dan alat mainan (*educational toys*). Adakah pihak kementerian sudah menyediakan kurikulum dan rangka kerja yang jelas sebagai panduan bagi guru-guru mengajar. Dan adakah guru-guru ini mendapat latihan *in specialised training* yang sesuai dengan keperluan *Early Childhood Education*? Kaola memohon pencerahan tentang status *Early Childhood Education* ini.

Soalan ketiga kaola ialah mengenai isu pelajar keperluan khas, khususnya

kanak-kanak *autistic*. Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada sidang media April 2023. Kadar kanak-kanak *autistic* bertambah setiap tahun. Purata sejak 10 tahun kebelakangan setiap tahun 148 kanak-kanak didapati *autistic* dan *trend* ini meningkat. Sementara tadi kita mendengar Yang Berhormat Menteri Kesihatan, angkanya sudah mencapai 1,400 lebih kanak-kanak yang *autistic*. Dan ini adalah satu *global trend* bukannya di Brunei, ini adalah sebagai *early warning* untuk kita mengambil sebagai langkah-langkah yang bersesuaian. Setentunya mereka ini apabila cukup umur akan bersekolah, jadi di negara kita Dasar Pendidikan Inklusif membolehkan mereka diterima di sekolah *mainstream*.

Soalan kaola bagaimakah mereka mengikuti pembelajaran di mana saja sekolah, memandangkan banyak sekolah *mai stream* ini tidak mempunyai kelengkapan yang cukup bagi mereka dan juga tidak kecukupan guru khas untuk mengajar mereka. Apakah usaha kementerian dalam perkara ini. Pertama, menyediakan fasiliti yang bersesuaian dengan. Dan kedua menyediakan lagi lebih banyak guru terlatih?

Soalan kaola yang keempat Yang Berhormat Pengerusi, ialah mengenai dengan *indicator* PPU, Petunjuk Prestasi Utama Universiti Brunei Darussalam dalam bilangan program akademik yang mencapai *accreditation standard* antarabangsa dan serantau yang disahkan dari 12 ke 14. Dan juga sasaran *new industry partnership established*,

melalui *Partnership Agreement* dari 11 ke 20, 30 ke 40 pada tahun-tahun berikutnya.

Begitu juga sasaran *new start-up founded by student* yang pada tahun 2024/2025 hanya 2 kepada 10, 15 dan 20 pada tiga tahun yang akan datang. Kaola menganggap ini adalah satu sasaran yang positif yang menunjukkan UBD adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang dinamik, berdaya maju, dan sentiasa berusaha untuk menambah baik kualiti programnya. Di samping untuk terus mencapai *ranking* yang baik dalam dunia akademik pengajian tinggi.

Dalam hubungan ini kaola berpendapat sudah sepatutnya jua UBD tampil di negara Brunei ini, bukan hanya sebagai sebuah institusi pendidikan yang diketahui letaknya di Jalan Tungku Link sahaja, tetapi institusi pendidikan di mana terdapatnya cendekiawan-cendekiawan yang boleh melahirkan pendapat-pendapat yang bernas yang kontemporari bukan saja sebagai bahan akademik semata-mata tetapi dijadikan dasar negara, bukan sebagai tenaga pengajar semata-mata sebagai ahli fikir.

Soalan koala mengapakah mereka-mereka ini tidak sering ditampilkan di platform-platform tempatan seperti forum-forum awam, *think tank* untuk mengisi pandangan dan kajian-kajian mereka. Begitu juga bagi institusi-institusi pengajian yang lain, UTB dan Politeknik Brunei yang masing-masing menunjukkan peningkatan yang ketara terutama dalam penyediaan program

serta kursus-kursus yang menepati kehendak industri. Peratus *employability* pelajar-pelajar lepasan institusi berkenaan adalah testimoni pada kejayaan mereka. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Bismillahir Rahmanir Rahim, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi. Alhamdulillah, kaola mengucapkan terima kasih di atas peluang bagi membahaskan belanjawan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi peruntukkan kewangan bagi tahun 2025/2026.

Terlebih dahulu kaola menyambut baik langkah proaktif kementerian di dalam merangka Pelan Pendidikan Hijau yang memberi tumpuan kepada pelbagai inisiatif utama bagi membudayakan kelestarian dalam pendidikan negara. Antaranya, pengintegrasian pendidikan alam sekitar dalam kurikulum. Dalam perkara itu kaola mengharapkan agar khazanah, khazanah alam semula jadi yang dimiliki oleh Temburong sebagai Daerah Permata Hijau dapat diketengahkan di kalangan pelajar sebagai pendedahan pembelajaran pendidikan alam sekitar yang akan dilaksanakan nanti.

Seterusnya, kaola juga menyambut baik cadangan projek pembinaan semula Sekolah Menengah Sultan Hassan,

Bangar dengan nilai harga rancangan RKN Ke-12 dengan peruntukan \$4.2 juta. Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan, apakah ada bangunan-bangunan sekolah di Temburong yang di dalam perancangan pihak kementerian untuk mendapat manfaat yang sama di dalam projek Rancangan Kemajuan, RKN Ke-12?

Dan akhir sekali, di dalam memastikan kesejahteraan dan kebajikan guru-guru luar daerah terutama yang bertugas di Daerah Temburong, apakah perancangan pihak kementerian untuk menyediakan kemudahan tempat tinggal untuk mereka.

Sekian saja yang dapat kaola sampaikan, terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya akan mempersilakan pula kumpulan yang kedua iaitu yang dimulai dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, diikuti dengan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, saya persilakan.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Laila Setia Dato Seri Setia Awang
Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:**

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan salam sejahtera.
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi,
kaola hanya ingin menyentuh beberapa
perkara.

Pertama, dalam Belanjawan 2025/2026 ini, sektor pendidikan telahpun disediakan peruntukan sebanyak \$221.1 juta bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang dan Jabatan Kementerian Pendidikan sendiri telah mendapat peruntukan tambahan sebanyak kira-kira \$8.4 juta bagi perbelanjaan biasa.

Kaola perhatikan sebilangan kenaikan ini adalah bagi perkhidmatan perguruan diperingkat rendah dan menengah. Namun, bilangan tenaga pengajar tidak bertambah dan Kod 003/003 Pendidikan dan Sumber Operasi hanya meningkat sedikit peruntukannya dikedua-dua peringkat ini. Mohon pencerahan, apakah *intended outcomes* yang akan dapat dihasilkan dari peruntukan tambahan ini dari segi *delivery*nya dan peningkatan keberkesanan sistem pendidikan secara menyeluruh terutamanya diperingkat menengah dan ke atas?

Perkara kedua yang akan kaola bangkitkan ini ada sudah disentuh oleh rakan Ahli Yang Berhormat tapi spesifik kepada KPI UNISSA, namun yang kaola ingin bangkitkan ini adalah KPI baru Kementerian Pendidikan yang

mensasarkan peratus *graduate employment rate* 6 bulan *after graduation* dalam lingkungan 76.4%. Kaola rasa sasaran ini adalah kesinambungan dari sasaran Belanjawan Tahun Kewangan yang lalu di mana Kementerian Pendidikan telah menetapkan peratus kadar pengijazahan, pengajian tinggi, pendidikan teknikal dan vokasional sebanyak 90% setiap tahun.

Alhamdulillah, satu sasaran yang baik dan kaola menyokong sepenuhnya KPI ini. Cuma realitinya pada masa ini, negara menghadapi cabaran dimana kira-kira 68% belia-belia yang berkelulusan HND ke atas masih aktif mencari pekerjaan. Ke arah itu, kaola mohon pencerahan mengenai Pelan Tindakan Strategik Kementerian Pendidikan berserta *stakeholders* yang lain dalam mencapai sasaran yang baru ini.

Ketiga, kaola perhatikan peruntukan perbelanjaan biasa yang disediakan bagi UBD dan UNISSA telah berkurangan masing-masing sebanyak kira-kira \$2.5 juta bagi UBD dan \$292,000.00 bagi UNISSA. Bagi UBD, pengurangan peruntukan yang terbesar ialah Kod 001/003 Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang berkurangan kira-kira \$1.5 juta dari tahun lepas. Sebaliknya, peruntukan Politeknik Brunei pula bertambah sebanyak \$4.84 juta yang mana kenaikan terbesar ialah dalam kategori elaun penuntut yang meningkat sebanyak \$5.5 juta dari tahun kewangan yang lepas.

Tolong betulkan jika kaola salah. Ini menunjukkan terdapat pertambahan bilangan penuntut yang memohon ke Politeknik Brunei ini.

Ke arah itu, kaola memohon dikongsikan faktor-faktor utama yang mendorong peralihan minat dan pilihan ini. Adakah dari segi kursus yang ditawarkan atau *teaching methodology* atau potensi peluang-peluang pekerjaan yang akan diperolehi oleh lepasan graduan yang lulus dari Politeknik ini?

Dan terakhir, Alhamdulillah di negara ini, memang kita tidak ketandusan tenaga pengajar yang komited dan cemerlang. Kebiasaanya, *please correct me if I'm wrong*, kecenderungan yang dilaksanakan pada ketika ini ialah untuk menempatkan guru-guru yang komited dan cemerlang ini di sekolah-sekolah yang berprestasi cemerlang. Kaola berpendapat, sepatutnya apa yang perlu juga dilakukan ialah dengan menempatkan sebilangan tenaga pengajar yang cemerlang ini ke sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan untuk meningkatkan prestasi sekolah dan penuntut-penuntutnya.

Ini kerana Skim Perkhidmatan Perguruan memang membolehkan guru-guru cemerlang ini untuk dinaikkan gaji mereka ketingkat yang lebih tinggi asalkan ianya masih ditempatkan di sekolah-sekolah untuk mengajar. Apakah usaha seperti ini sudah dipraktikkan secara meluas? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh mengenai Petunjuk Prestasi Utama di bawah Tajuk SF01A. Dalam belanjawan ini, seperti yang telah di bawakan oleh rakan Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Kementerian telah menetapkan sasaran 76.40% Kadar Pekerjaan Graduan dalam Tempoh 6 Bulan Selepas Tamat Pengajian. Ini mencerminkan komitmen terhadap peningkatan kebolehpasaran graduan. Sejajar dengan inisiatif yang telah dijalankan oleh kerajaan melalui program seperti SkiPPA dan i-Ready. Dalam menandai hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menuju Wawasan Brunei 2035 yang memerlukan kerjasama inovasi dan semangat juang yang tinggi. Kita perlu memastikan sasaran graduan ini dicapai.

Namun dalam persekitaran pekerjaan yang semakin berubah, tumpuan tidak boleh hanya diberikan kepada kadar pekerjaan selepas tamat pengajian tetapi juga kepada bagaimana pelajar dan graduan memahami serta menyesuaikan diri dengan keperluan pasaran kerja. Hari ini, sektor pekerjaan berkembang dengan kemunculan industri baharu dan perubahan dalam permintaan tenaga kerja, pelajar dan graduan perlu diberikan lebih banyak akses kepada maklumat yang jelas mengenai tren pasaran kerja sektor yang mempunyai pertumbuhan yang tinggi serta

kemahiran yang semakin menjadi keutamaan dalam industri.

Salah satu langkah ke hadapan ialah dengan memperkukuh inisiatif *future career navigation* dimana pelajar diberikan pendedahan awal tentang laluan kerjaya yang boleh mereka ceburi. Bukan hanya berdasarkan bidang pengajian atau minat tetapi juga berdasarkan bagaimana sesuatu industri berkembang dalam tempoh 5 hingga 10 tahun akan datang. Dalam sistem pemetaan kerjaya lebih awal, dalam sistem pendidikan juga membolehkan pelajar memahami sektor yang berkembang serta kemahiran yang diperlukan agar mereka lebih bersedia dalam memilih laluan kerjaya yang lebih terarah.

Pendekatan sebegini boleh menjadi salah satu mekanisme penting dalam memastikan graduan memasuki pasaran kerja dengan pemahaman yang lebih kukuh tentang hala tuju mereka. Selain itu, sistem industri *immersion* boleh diperluaskan bagi membolehkan pelajar mengalami realiti dunia pekerjaan sejak diperingkat sekolah menengah dan pengajian tinggi.

Pendedahan ini bukan sekadar latihan industri tetapi juga boleh melibatkan lawatan kerja interaktif, simulasi persekitaran pembelajaran serta peluang untuk memahami bagaimana sesuatu industri beroperasi secara menyeluruh. Dengan memastikan pelajar dan graduan mempunyai akses kepada maklumat yang lebih jelas mengenai sektor

pekerjaan serta pengalaman industri yang lebih awal mereka dapat membuat keputusan yang lebih tepat dalam menentukan hala tuju kerjaya mereka. Langkah ini bukan sahaja membantu meningkatkan kebolehpasaran mereka tetapi juga memastikan tenaga kerja negara berkembang dalam sektor-sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi dan strategik untuk pembangunan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi.

Secara pintas kaola sukacita menyentuh isu bencana banjir di kawasan-kawasan sekolah di kampung-kampung yang berisiko dan sering dilanda banjir sehingga terputus perhubungan menjejaskan pelajar-pelajar dan guru-guru untuk hadir ke sekolah. Ini termasuk apabila berlakunya pada musim-musim peperiksaan besar dan penting dan juga hal-hal lain. Sepertimana yang pernah berlaku di negara-negara jiran, yang mana sebahagian besar penuntut tidak dapat menduduki peperiksaan mereka.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan mengenai perkara ini, adakah penuntut-penuntut dan guru-guru yang terjejas banjir, diberikan

pengecualian dari segi kehadiran dan apakah langkah-langkah penyelarasan dari segi pembelajaran atau peperiksaan jikalau banjir berkenaan memakan masa panjang? Dan seterusnya juga kaola menyentuh, apakah ada disediakan peruntukan khas bagi menyelenggarakan infrastruktur sekolah-sekolah di seluruh negara yang memerlukan perhatian segera.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih di atas peluang mengemaskinikan belanjawan bagi Kementerian Pendidikan serta jabatan-jabatan di bawahnya di dalam Belanjawan Negara Tahun 2025/2026. Diharapkan agar apa-apa yang dirancang akan dilaksanakan sejajar dengan matlamat Wawasan Negara ke arah rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Isu beban guru sememangnya sering disuarakan. Namun pada itu, isu ini perlu juga diberikan perhatian dari masa ke semasa kerana ianya memberi kesan yang negatif kepada kualiti pengajaran, kesejahteraan mental dan fizikal. Tingkat perolehan guru yang tinggi disebabkan tugas yang tidak berkesudahan dan kurangnya kesinambungan kejadian kehidupan.

Isu ini juga, jika tidak ditangani secara holistik ianya boleh sahaja mempengaruhi kualiti pendidikan dan kesejahteraan guru berkenaan. Pengurusan yang baik, sokongan berterusan dari kerajaan dan pelaburan dalam sumber pendidikan adalah langkah-langkah penting dalam mengurangkan isu bebanan guru.

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan apakah usaha dan inisiatif terkini pihak kementerian di dalam menangani isu berkenaan? Apakah mekanisme dan tindakan yang disediakan dari segi sokongan dan dukungan kesihatan mental kepada guru disebabkan tekanan emosi dan *stress* yang berlebihan ke arah penyelesaian isu bebanan guru.

Akhirnya kaola menyambut baik usaha pihak kementerian ke arah mengukuhkan kemudahan akses pendidikan melalui projek-projek pembangunan bangunan-bangunan sekolah melalui Rancangan Kemajuan Negara ke-12. Diharapkan agar projek-projek ini dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan seperti yang dinyatakan di dalam buku Anggaran Perbelanjaan 2025/2026. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Merujuk SF01A Kementerian Pendidikan, Jabatan Kementerian Pendidikan. Kod 007/000, Lain-Lain

Program dan Institut Pendidikan. 003, pusat STEP.

Pusat STEP berperanan penting dalam memajukan pendidikan STEAM (*Science, Technology, Engineering, Arts and Maths*) di negara ini. Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Kebangsaan yang ke-39, Baginda menekankan pentingnya pendidikan dan kemahiran STEAM sebagai pemangkin pembangunan negara. Alhamdulillah, ada peningkatan dalam peruntukan Tahun Kewangan yang lalu. Oleh itu, mohon pencerahan adakah bajet yang diperuntukkan sebanyak \$60,650 mencukupi untuk memastikan program yang dilaksanakan oleh Pusat STEP sebagai STEAM *outreach programme* dan STEAM-*related competition* dapat dijalankan dengan efektif dan mencapai matlamat yang ditetapkan memandangkan fokus subjeknya lebih meluas.

Sehubungan dengan ini, hasil kaji selidik oleh Ahli MMN bersama warga pendidik pada Jun 2024 mendapati terdapat kekurangan garis panduan yang jelas dan sokongan yang mencukupi untuk menyepadukan elemen STEAM ke dalam kurikulum sedia ada. Oleh itu, apakah status perancangan kementerian dalam menyediakan garis panduan yang lebih jelas dan komprehensif bagi menyepadukan elemen STEAM ke dalam kurikulum.

Kaola berpendapat, perlunya pemberigaaan yang jelas dan meluas mengenai perkara ini untuk menjamin keberkesanan usaha-usaha ke arah pencapaian yang dihasratkan.

Soalan kaola yang kedua, merujuk SF05A MOE Politeknik Brunei. RKN 1201 mengukuh kemudahan akses pendidikan, kampus kekal Politeknik Brunei. Merujuk kepada tajuk SF05A kod RKN 1201/012, kaola memohon pencerahan mengenai butiran kampus kekal Politeknik Brunei yang baru ini. Dengan peningkatan populariti dan pertambahan jumlah pendaftaran pelajar, adakah bajet sebanyak \$100 juta yang diperuntukan mampu menampung kapasiti dalam jangka masa yang panjang?

Sehubungan dengan ini, kaola memohon pencerahan mengenai kebolehkerjaan, *employability* graduan-graduan. Bagi meningkatkan kebolehkerjaan, kaola mencadangkan sebagai tambahan kepada penempatan industri yakni *industrial placement*, Politeknik perlu memperkenalkan skim perantisan, *apprenticeship scheme* di dalam dan luar negara mengambil kira industri-industri dan *joint venture*.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin bangkitkan dua isu. Pertamanya, bagi tajuk KPI peratus penuntut mendapat 5A hingga C dalam peperiksaan PSR. KPI bagi tahun 2023/2024 adalah 71.5% dan anggaran sasaran bagi KPI tersebut menurun kepada 63.8% bagi tahun 2025/2026. Kaola melihat sasaran dan KPI tersebut akan membebankan bagi guru-guru di peringkat sekolah menengah, apatah lagi kemungkinan 30% penuntut tidak mendapat 5A hingga ke C dalam peperiksaan PSR dan difahamkan dasar kementerian pada masa ini masih lagi mengekalkan sistem *promotion* ke peringkat sekolah menengah.

Retentionary system yang sebelum ini digunakan di sekolah-sekolah di negara ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa penuntut sekolah yang tidak mencapai prestasi minimum akan mengulangi tahun akademik mereka. Merujuk kepada SPN 21 Kementerian Pendidikan, penuntut-penuntut akan terus dinaikkan ke kelas 10 hingga 11. Sehubungan dengan ini, sukacita memohon pencerahan bagaimanakah tatacara dan inisiatif Kementerian Pendidikan memastikan golongan pelajar yang berprestasi rendah mendapat perhatian yang sewajarnya dan bagi

membolehkan mereka ini mengikuti kerangka pembelajaran kurikulum atau *syllabus* yang ditetapkan bagi mengelakkan mereka ini tercicir, malahan akan berjaya di akademik dalam membentuk pencerahan kehidupan bisdia yang akan datang.

Keduanya, tajuk peluang pendidikan bagi golongan kurang berkemampuan berkaitan dengan Kod 002/000 Perancangan Sektor Pemantauan dan Perkembangan Sistem yang antaranya lainnya meningkatkan kualiti pendidikan di kesemua peringkat. Adalah tidak dapat dinafikan terdapat segelintir daripada masyarakat di negara ini kurang berkemampuan bertambah lagi dengan persekitaran perumahan yang kurang kondusif, terlampau ramai keluarga yang tinggal di rumah. Keadaan seperti ini mungkin dihadapi oleh sebahagian pelajar-pelajar yang sama ada mengikuti pembelajaran di sekolah rendah atau menengah. Inilah cabaran-cabaran yang perlu kita tangani bersama, apatah lagi dalam usaha kita bersama untuk mengeluarkan lebih ramai lagi golongan keluarga sedemikian dari kepompong kemiskinan dan sekali gus meningkatkan taraf hidup yang lebih cerah bagi keluarga mereka di masa akan datang.

Walau bagaimanapun, kaola berpandangan seperti mana yang telah diwujudkan sejak di bawah pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien telah diadakan asrama ataupun *hostel* bagi penuntut-penuntut di luar bandar dan kawasan pedalaman yang

disediakan oleh pihak kerajaan seperti Maktab SOAS, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan lain-lainnya. Alhamdulillah, adalah terbukti dengan pendekatan sedemikian berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang sehingga berkelulusan ijazah dari luar negeri dan balik ke negara ini dan bertugas dengan jawatan tinggi bukan sahaja di sektor swasta malahan di sektor awam.

Berkaitan dengan kejayaan Skim Berasrama yang sangat berkesan dan aktif ini boleh kita jadikan sebagai pengajaran untuk mengeluarkan golongan murid-murid yang kurang berkemampuan dari kepompong kemiskinan. Isu ini juga ada kaitannya dan kenyataan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa Majlis Mesyuarat Negara baru ini pada 11 Mac 2025 mengenai dengan pembasmian kemiskinan yang sangat komprehensif.

Berkaitan dengan ini kaola memohon penjelasan sama ada telah dilaksanakan Skim Berasrama kepada golongan ini dan setakat ini berapa ramai penuntut yang ditempatkan di asrama dan adakah perancangan untuk meluaskan Skim Berasrama ini di masa terdekat dan masa akan datang khususnya kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan seperti yang dimaksudkan.

Sekian. Wabillahi Taufik wal Hidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Dan kumpulan yang ketiga, akan dimulakan dengan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin diikuti dengan Yang Berhormat Awang Lau How Teck, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee. Silakan.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Kaola sukacita merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama bagi Tajuk SF02A Universiti Brunei Darussalam. Dalam KPI UBD tidak terdapat KPI yang menetapkan sasaran pekerjaan graduan Seperti Institusi Pengajian Tinggi yang lain. Kita ini mesti ada untuk menunjukkan kebolehpasaran graduan UBD. Kaola sukacita mencadangkan juga semua institusi-institusi negara ini untuk memasukan KPI khidmat masyarakat yang mendukung matlamat pembangunan negara seperti mana yang terdapat dalam KPI UNISSA.

Seterusnya, kaola merujuk Petunjuk Prestasi Utama yang berhubung kait dengan *research papers published with international co-authors per year*. Merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama, Tajuk SF02A. Adakah UBD mempunyai data mengenai jumlah kertas penyelidikan yang telah dikomersialkan dan dipatentkan. *Matrix* ini boleh menjadi satu Petunjuk Prestasi Utama

yang berguna untuk menilai keberkesanan penyelidikan di UBD dalam menyumbang kepada inovasi dan pembangunan industri. Selain itu ia juga menyokong pencapaian Wawasan Brunei 2035 kerana sejajar dengan objektif UBD untuk mencapai piawaian antarabangsa dan menjadi universiti terkemuka di peringkat global.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Yang Berhormat Pengerusi. Pendidikan tinggi memainkan peranan penting dalam membentuk tenaga kerja yang berdaya saing dan memastikan pembangunan ekonomi negara terus berkembang dengan dinamik. Oleh itu, adalah penting bagi institusi pendidikan untuk menyesuaikan program akademik dan penyelidikan dengan keperluan industri agar modal insan yang dilahirkan mampu menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan sektor utama negara.

Peruntukan di bawah Tajuk SF04A Universiti Teknologi Brunei, UTB khusus Kod 002/000. Sebanyak \$21.5 juta bagi pengurusan akademik penyelidikan dan perkembangan industri perlu dimanfaatkan bagi menghubungkan penyelidikan dengan sektor ekonomi yang sedang berkembang. UTB telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk peningkatan jumlah projek penyelidikan berkaitan kelestarian serta penubuhan Pusat Penyelidikan Teknologi Hijau.

Keutamaan juga perlu diberikan kepada komersialan hasil penyelidikan supaya teknologi dan inovasi yang dihasilkan dapat diguna pakai dalam sektor pertanian moden, pemprosesan makanan dan automasi industri. Ini akan membantu meningkatkan produktiviti negara dan mengurangkan bergantung terhadap import.

Selain itu, di bawah Tajuk SF05A Politeknik Brunei. Peruntukan sebanyak \$24.9 juta bagi pengurusan akademik industri dan perkhidmatan dicadangkan untuk juga digunakan bagi memperkukuhkan keberkesanan program latihan industri. Kerjasama dengan sektor swasta dan syarikat tempatan perlu diperkasakan dengan menyediakan latihan yang bersesuaian dengan permintaan industri khususnya dalam sektor pertanian moden, ekonomi digital dan industri halal.

Kecekapan dan kebolehpasaran graduan Politeknik dapat ditingkatkan sekiranya latihan industri dijadikan sebagai komponen wajib dalam kurikulum dengan memastikan setiap pelajar menerima pendedahan praktikal yang *relevan* sebelum tamat pengajian. Bagi memastikan lebih ramai graduan-graduan bersedia untuk menyumbang kepada ekonomi negara, institusi pendidikan juga perlu mewujudkan sistem sokongan yang lebih menyeluruh bagi melahirkan tenaga kerja yang berorientasikan keusahawanan.

Negara telah menyediakan pelbagai skim pembiayaan dan insentif kepada *start-up*

melalui DARE, BEBD, BIBD dan sebagainya. Namun sokongan yang lebih sistematik perlu diwujudkan dalam bentuk bimbingan mentor secara berkala dan jaringan industri yang kukuh bagi membimbing graduan yang ingin menceburi bidang perniagaan. Kerjasama strategik di antara institusi pendidikan industri dan agensi berkaitan perlu diperluaskan untuk memastikan lebih banyak graduan mendapat akses kepada peluang keusahawanan dan sokongan perniagaan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin:
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pertama-tama, kaola mengucapkan syabas setinggi-tingginya kepada Kementerian Pendidikan dengan pembinaan *greenhouse* dalam kawasan di Sekolah Menengah Muda Hashim, menanam cili menggunakan kaedah fertigasi. Kaola terkesima dengan pendedahan awal ini kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah tersebut yang rata-rata sekitar umur 12 ke 16 tahun kepada industri pertanian. Tahniah sekali lagi.

Tajuk SF06A Kod 1201/026 iaitu menaiktaraf dan tambahan kemudahan Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan,

Kampus IBTE, Jalan Muara. Alhamdulillah, ini adalah satu langkah yang baik dan ke arah mendukung kepada bidang industri pelancongan negara melalui pendidikan. Apa yang ingin kaola bangkitkan di dewan yang mulia ini mengenai dengan bangunan-bangunan yang lain di kawasan kampus IBTE di Jalan Muara berkenaan.

Persoalan kaola adakah Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan untuk memastikan sistem dan suasana pembelajaran, pengajaran dan pentadbiran di kampus itu kondusif, selesa dan selamat. Tinjauan kaola dan dari apa yang kaola terima dari segelintir pelajar jua di kampus berkenaan, kebanyakan bangunan dan kawasannya memerlukan penaiktarafan dan pembisaian, mereka rasa kurang selesa dengan suasana dan persekitaran prasarana yang ada pada sekarang.

Kedua, kaola ingin menyentuh mengenai dengan cuti ehsan bagi tenaga pengajar. Kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya di atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Guru ke-34 yang telah memperkenalkan cuti ehsan bagi tenaga pengajar semasa sesi penggal persekolahan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Kementerian Pendidikan atas usaha yang berterusan dalam menjaga kebajikan tenaga pengajar.

Apa yang ingin kaola usulkan di sini ialah mengenai syarat kelayakan cuti ehsan bagi pengurusan peringkat awal mendangani isteri atau suami atau anak berdaftar di institut luar negara. Kaola di fahamkan bahawa syarat kelayakan cuti ehsan telah memperuntukkan cuti bagi tenaga pengajar yang menghadiri konvokesyen luar negeri bagi diri sendiri, isteri, suami atau anak sahaja. Sehubungan dengan itu apalah kiranya kalaulah dapat Kementerian Pendidikan mempertimbangkan untuk melaratkan kelayakan permohonan cuti ehsan ini kepada tenaga pengajar yang perlu mendangani anaknya yang baru mendaftar di institusi luar negara bagi tujuan pengurusan peringkat awal seperti pembukaan akaun bank, mencari rumah, pendaftaran klinik, pengurusan kediaman dan sebagainya. Ini adalah bagi kesejahteraan dan keselamatan anak jua.

Ketiga, kaola ingin menyentuh mengenai kelayakan cuti bagi tenaga pengajar untuk menghadiri kursus profesional jangka pendek, persidangan dan bengkel atas perbelanjaan sendiri. Tenaga pengajar memainkan peranan penting dalam memastikan sistem pendidikan negara terus berkembang dan kompetitif. Salah satu aspek utama adalah melalui penyertaan dalam kursus jangka pendek, persidangan, bengkel dan latihan profesional di dalam atau luar negara.

Pada masa ini, tenaga pengajar yang ingin menghadiri program seperti ini terpaksa mengambil Cuti Tanpa Gaji,

CTG yang boleh menambah beban kewangan dan berpotensi menghalang mereka daripada menyertai aktiviti profesional yang berkaitan dengan bidang mereka semasa penggal persekolahan atau semester. Sehubungan itu, adalah Kementerian Pendidikan bersedia mempertimbangkan agar tenaga pengajar di berikan kelayakan untuk memohon cuti tanpa catitan tanpa menjejaskan cuti tahunan bagi tujuan menghadiri program profesional ini.

Memandangkan inisiatif ini adalah atas perbelanjaan sendiri dan tidak membebankan kewangan kerajaan, ia dapat memberi manfaat yang besar kepada peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperkukuh kemahiran pedagogi serta kepakaran tenaga pengajar dan menyokong aspirasi kerajaan dalam membudayakan pembelajaran sepanjang hayat. Penyertaan tenaga pengajar dalam program ini juga membolehkan mereka membawa balik ilmu dan amalan terbaik untuk di dimanfaatkan dalam sistem pendidikan negara.

Izinkan kaola satu usulan lagi Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. Perkara mengenai pencapaian pelajar-pelajar di peringkat 'O' Level dan Rendah di sekolah kerajaan, kaola ingin merujuk pencapaian pelajar-pelajar peringkat 'O' dan IGSCE bagi tahun 2024 yang di keluarkan pada 28 Januari 2025. Dari 4,619 calon di sekolah kerajaan hanya 16.6% sahaja yang memperolehi 8 'O' ke atas, 40.7% memperolehi 5 'O' ke atas

dan 48.9% memperoleh 4 'O' ke atas. Ini bermakna lebih separuh pelajar di sekolah kerajaan hanya mendapat 3 'O' ke bawah.

Dalam mengongsikan cabaran-cabaran yang dihadapi bagi pelajar di peringkat rendah Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga mengongsikan inisiatif penilaian iaitu *Student Learning Survey* yang telah di laksanakan pada tahun 2023 dan 2024 bertujuan untuk menilai kompetensi pelajar-pelajar tahun 2 hingga tahun 10 dalam literasi, numerasi dan sains. Dapatan dari penilaian ini menunjukkan terdapatnya jurang pencapaian kompetensi di semua peringkat seawal peringkat rendah dan beberapa program intervensi telah di perkenalkan. Salah satu komen yang kaola dari sesetengah guru bahawa kerja-kerja pentadbiran yang di tugaskan kepada mereka telah menjejaskan prestasi dan fokus mereka kepada tugas mengajar pelajaran yang mereka ajar. Kaola cadangkan pihak kementerian meneliti perkara ini yang mungkin jua salah satu sebab prestasi pelajar-pelajar di peringkat rendah dan menengah terjejas.

Kaola faham yang guru-guru didedahkan dengan kerja-kerja pentadbiran sebahagian salah satu langkah *succession planning* satu-satu sekolah dan Jabatan. Jika sekiranya terbukti yang membuat dua atau tiga kerja dalam satu masa itu memberi impak negatif maka ada baiknya guru mata pelajaran itu fokus kepada mengajar dan mendidik pelajar sahaja. Jika sekiranya pun guru

itu memang ada bakat untuk mentadbir maka biarlah guru itu mentadbir sahaja dan tidak perlu untuk mengajar.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Minta maaf Yang Berhormat Pengerusi kerana mengambil masa 2 minit 35 saat.

Yang Berhormat Chong Chin Yee:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Selamat pagi dan salam sejaatera.

Kaola ingin merujuk kepada Kod 201/010 *UTB Phase 4 for School of Applied Sciences and Mathematics*. Dengan itu kaola ingin menarik perhatian menteri-menteri dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat kepada sektor pertanian dan agrimakanan.

Menurut Statistik Pertanian dan Agrimakanan 2023 yang di terbitkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, KDNK Sektor Agrimakanan telah meningkat sebanyak 28.6% dari tahun 2019 hingga 2023. Unjuran positif ini sebahagian besarnya di dorong oleh industri ternakan yang menyumbang sebanyak 57% daripada jumlah *output* sektor ini dan pemprosesan agrimakanan yang menyumbang sebanyak 30.7%. Namun faktor yang menarik, adalah komposisi tenaga kerja sektor ini. Jumlah tenaga dalam sektor pertanian adalah seramai 8,711 individu. Terdapat 23.6% terlibat dalam penternakan, 24.2% dalam pengeluaran tanaman dan 52.2% dalam pemprosesan agrimakanan.

Oleh itu, kaola ingin menekankan bahawa dalam pemprosesan agrikulturan 2,744 dari 4,541 pekerja adalah warga tempatan yang mewakili sebanyak 60% daripada tenaga kerja sektor ini. Ini berbeza dengan tenaga kerja tempatan dalam pengeluaran tanaman yang hanya mengandungi 19% dan 27.14% dalam penternakan. Apakah ini menunjukkan sektor pemprosesan agrikulturan bukan sahaja menjadi pemandu utama pertumbuhan ekonomi, tetapi juga merupakan sumber pekerjaan tempatan yang bermakna?

Dari fahaman kaola, Pusat Penyelidikan Sains dan Teknologi Agrikulturan iaitu *CrAFT* di UBD, adalah satu-satunya pusat penyelidikan khusus di Negara Brunei Darussalam yang memberi tumpuan kepada pertanian, sains, makanan dan permakanan. Memandangkan pencapaian *CrAFT* yang ketara termasuk kerjasama *FOODIE Initiative* dan *Shelf-Life Tasting* dengan *BEDB* dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, tiba masanya bagi Kementerian Pendidikan untuk memberi sokongan yang lebih besar terhadap inovasi makanan. Oleh itu, kaola ingin memohon Kementerian Pendidikan supaya mempertimbangkan peruntukan sumber kewangan dan tambahan tenaga kerja bagi pengukuhan peranan *CrAFT* sebagai hub inovasi makanan yang terkemuka.

Dengan itu, kaola mencadangkan bahawa Kementerian Pendidikan memberi pertimbangan bagi membiayai jawatan tetap contohnya, pegawai

perhubungan, penyelidikan dan menyediakan kemudahan yang diperlukan untuk menyokong graduan tempatan dalam bidang sains makanan dan permakanan. Dengan mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan dalam inovasi makanan, kita boleh memanfaatkan lebih lanjut sektor agrikulturan Negara Brunei Darussalam yang berkembang mendorong diversifikasi ekonomi dan meningkatkan peluang pekerjaan tempatan.

Itu sahaja, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya akan memberi laluan untuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan responsnya terhadap perbahasan yang telah pun dikemukakan ataupun pertanyaan yang telah pun dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Insya Allah kaola akan cuba menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan dan mana-mana yang tidak sempat yang lain akan dijawab secara bertulis.

Terlebih dahulu kaola/saya mewakili Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan dan sokongan dalam menyediakan peruntukan bagi Perbelanjaan Tahun Kewangan 2025/2026. Sebelum kaola/saya menjawab beberapa pertanyaan yang telah diajukan tadi, kaola, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat atas soalan-soalan tersebut.

Nampaknya, beberapa soalan ada sejumlah soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan soalan-soalan tersebut dapat dikumpulkan kepada beberapa *clusters* yang besar ah, seperti KPI, IPT, laluan kerjaya, kebajikan guru, infrastruktur dan jua penilaian. Yang lain atu, ada sedikit-sedikit ah, seperti RKN, pembangunan profesional, bencana alam dan jua kurikulum.

Baiklah. Ada beberapa Yang Berhormat telah menyuarakan mengenai dengan KPI. Ada lima di sini ah. *Key Performance Indicator* adalah pengukur seberapa efektif projek-projek yang telah dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dalam mencapai tujuannya. Dan jika data konsisten, kita akan dapat melihat strategi yang dijalankan sama

ada ianya berhasil ataupun perlu penyesuaian.

Dalam menetapkan *target*, kita perlu bersifat kompetitif atau menyediakan ataupun meletakkan sasaran yang boleh kita tentang. Tapi sebelum itu, tidak dinafikan pemilihan KPI adalah satu *exercise* yang memerlukan pengamatan yang signifikan dan juga pandangan yang kolektif kerana ada beberapa perkara penting yang mesti diambil kira terlebih dahulu seperti KPI itu mesti spesifik ataupun tujuan yang jelas, *measurable* ataupun ianya mesti dapat diukur. Kadang-kadang ada KPI yang bagus tetapi *instrumentnya* masih belum dapat disediakan dan ia mesti *achievable* ataupun *target* yang kita buat ataupun letakkan mestilah realistik yang boleh dicapai oleh organisasi tersebut dengan sumber daya yang ada dan relevan serta *time-bound* iaitu menetapkan jangka waktu yang spesifik. Kita memang ingin untuk menentang *target* tetapi ianya mestilah realistik supaya ianya dapat dicapai kerana jika *target* itu terlalu tinggi, ia boleh menyebabkan kita tidak yakin dan menurunkan motivasi kerja. Tetapi jika ia terlalu rendah pula, ia mungkin tidak akan memberikan apa-apa motivasi kepada organisasi tersebut.

Baiklah. Kaola/saya akan menjawab yang KPI ani dulu. *KPI 'O' Level* yang mendatar, yang disoalkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman. Kenapa KPI yang disasarkan adalah rendah? Sedangkan kita tahu, kita memerlukan peratus

yang tinggi supaya lebih ramai lagi yang akan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Kalau mengikut kenyataan dalam buku *Oxford Business Group, The Report: Brunei Darussalam 2009*, memang Kementerian Pendidikan mempunyai *target 30% net enrolment* pelajar ke *tertiary education* ah, dengan implementasi SPN21. Beberapa simulasi telah pernah dibuat mengenai dengan berapa peratuskah pelajar mesti mendapat lima 'O' supaya kitani dapat mencapai *target 30% net enrolment* ke *tertiary education*. Apabila simulasi itu dibuat, peratusnya adalah jauh lebih tinggi daripada KPI yang disasarkan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi. Lalu, kenapa sasaran ini rendah? Bagi menjawabnya, secara *ideal* kita boleh meletakkan sasaran 60% pelajar untuk mendapat lima 'O' Level kerana kita tahu dengan jumlah ataupun *pool* yang besar ini, *probability* yang akan dapat melanjutkan pelajaran ke *tertiary education* adalah lebih besar.

Kalau kita kembali kepada simulasi *trend* tadi, sasaran ini berpotensi untuk kita sama-sama mencapai *target 30%* ke *tertiary education*. (Yang Berhormat Menteri Pendidikan menunjukkan kertas yang mengandungi carta dalam Dewan)

Dalam hal ini, kaola, saya ingin mengongsikan, kenapa sasaran yang telah ditetapkan sekarang adalah rendah daripada yang *ideal* tadi? Sasaran yang ditetapkan ini adalah mengikut *trend line* yang dibuat menggunakan sepuluh

tahun *historical data* dan *trend line* ini meningkat dan kita mesti memastikan yang pencapaian pelajar berada dalam lingkungan trajektori.

Sebenarnya, berbagai usaha telah dilakukan dalam usaha untuk meningkatkan lagi kompetensi pelajar-pelajar kitani. Tetapi pencapaian ini masih saja belum mencapai ke 60%. Kalau kitani melihat, (*menunjuk kertas yang terdapat carta*) trajektori pencapaian BGCE 'O' Level. Okay, kalau kitani melihat 60% itu akan berada di sini (*menunjuk kertas yang terdapat carta*) iaitu pada tahun 2033, ertinya kalau kitani mahu 60% itu, awal di sini (*menunjuk kertas yang terdapat carta*), ia akan menjadi satu *outlier* ke arah, masih di dalam trajektori yang positif tetapi ia akan menjadi *outlier* di dalam *ellipse* ini.

Oleh yang demikian, kita tidak dapat melakukan inisiatif yang ada sekarang. Ertinya, kitani terpaksa berusaha berlipat kali ganda, lebih daripada apa yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan masa ini supaya kita mendapat *outlier* tersebut. Dalam hal yang sama, kaola/saya ingin mengongsikan satu data PISA 2018, di mana 59.1% pelajar membaca hanya kerana mereka perlu dan hanya 56.9% sahaja yang merasakan membaca adalah satu hobi. *Lexile score* juga di peringkat rendah bagi pelajar-pelajar masih memerlukan pembaikan dan berbalik kepada berapa pelajar ataupun berapa peratus pelajar di dalam yang mengikuti PISA 2018 tadi, 19% pelajar yang mengikuti PISA 2018

mempunyai 10 buku ke bawah *between 0 to 10 books* di rumah mereka.

So, ertinya kitani terpaksa meningkatkan lagi asas atau pun *foundation* supaya kanak-kanak ani dapat *prior knowledge* yang mantap. Dan salah satu usahanya adalah membudayakan *reading*. Dalam hal ani, insyaAllah Kementerian Pendidikan akan tidak jemu-jemu berusaha untuk membudayakan membaca ani di kalangan pelajar-pelajar supaya sifat itu mereka boleh menjadi pelajar *independent*, menjadi *independent learner*.

Satu lagi KPI yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, mengenai dengan KPI 5 gred A to C PSR, kalau tadi 'O' Level, *this time is PSR (menunjuk kertas yang terdapat carta)*. PSR juga menunjukkan *ellipse* yang kurang lebih sama, *it's quite small* dan *trajectory*nya adalah meningkat. Unjuran pelajar mendapat 5 gred A to C dalam PSR adalah berdasarkan pencapaian-pencapaian kebelakangan, masih menggunakan *historical data* dan sasaran ini telahpun dianggarkan meningkat pada tahun-tahun berikutnya dengan trend yang positif.

Bagaimanapun ia adalah pada kadar yang agak perlahan, agak *slow* sebab itu, *figure* ataupun sasaran adalah dalam lingkungan peratus 60% sahaja. Kalau tadi soalnya, kenapa pada tahun 2023 pencapaian telah melonjak sedikit ke 71.5% *and yet* kitani menurunkan semula sasaran kepada *between 62 to 67*

pada tahun 2024 ke tahun 2028. Sasaran yang menurun daripada 71.56% adalah mengikut *trend* lain yang meningkat. Ia masih dalam lingkungan jangkaan *ellipse*, ia masih di dalam lingkungan *ellipse* yang bulatan ini tadi ah (sambil menunjukkan kertas). Turun naik peratus dalam lingkungan ini adalah normal kerana ia masih, kalau dari istilah statistiknya, ia masih 95% *confidence level*. Dan perlu diingat jua, data-data PSR ini adalah bukan *longitudinal study*, di mana pelajar-pelajar berlainan kohort mengambil peperiksaan tersebut.

Seperti halnya dengan pelajar yang mendapat 71.56% tadi, mereka adalah satu kohort yang berbeza, bukan kohort 2024, bukan kohort 2025 dan sebagainya. Kita tidak tahu apa *prior knowledge* yang mereka ada ataupun *another factor is the test instrument itself*, bukan mengandaikan yang *test instrument* itu adalah senang pada tahun tersebut tetapi ia tertakluk kepada *prior knowledge* mereka, adakah mereka merasakan *test* tersebut adalah senang bagi mereka. Ada dua perbezaan sana ah bukan *test* yang senang tapi di sini adalah pelajar merasakan *test* itu senang. Jadinya, *its normal* untuk kanak-kanak itu ada peratus naik ada peratus rendah, *as long as they are in the same ellipse* yang menaik, *in the same trajectory we are still okay*.

Mengenai dengan piawaian antarabangsa, saya menyambut baik dan berterima kasih atas cadangan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, mengenai dengan pengenalan piawaian antarabangsa

sepertimana yang diselenggarakan oleh sekolah-sekolah antarabangsa di Brunei.

Kementerian Pendidikan telah mengungkapahkan penilaian pelajar yang merentas peringkat dari rendah hingga menengah daripada Tahun 1 hingga Tahun 9 iaitu berasaskan piawaian negara yang menepati piawaian antarabangsa khususnya *Brunei Darussalam Literacy and Numeracy National Standard*, BDLNS. *Student Learning Survey* ataupun SLS ini adalah salah satu inisiatif pihak kementerian dalam memantau kecekapan pelajar dalam *literacy*, *numeracy* dan *science* berbanding *international standard*. Kementerian Pendidikan akan sentiasa memastikan piawaian yang ada ini akan diperkukuh dan insyaAllah akan direbiu dari semasa ke semasa dan seterusnya akan membina piawaian bagi mata-mata pelajaran yang lain seperti sains, Bahasa Melayu, literasi kewangan dan juga lain-lain.

Kaola/saya ingin merujuk beberapa soalan yang mempunyai kluster yang sama, yang mana ianya telah pernah kaola/saya jawab semasa membuat kenyataan menteri ataupun mana-mana *parliamentary questions* iaitu yang berkait rapat dengan beberapa PL, PLs ah. Seperti soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam mengenai dengan KPI UNISSA dan kebolehterkerjaan ianya terjawab dalam PL 79, Yang Berhormat Awang Lau How Teck mengenai dengan pendedahan praktikal juga terjawab dalam PL 79, isu beban guru yang

ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan terjawab dalam PL 29 dan kadar-kadar pekerjaan ataupun kebolehpasaran graduan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed juga ada dijawab dalam PL 79.

Ada beberapa soalan yang jua telah dikemukakan mengenai dengan *infrastructure* iaitu menaik taraf bangunan sekolah yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Yang Berhormat Awang Mohammad Haji, minta maaf, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir mengenai dengan adakah terdapat bajet untuk menaik taraf bangunan sekolah. Jawapannya, iya, ada dalam kategori penyelenggaraan dan pembaikan aset. Ada 13%, 13.57% disediakan ah dalam anggaran lebih \$22 juta. Ianya boleh dilakukan melalui OCCM ataupun *Outside Corrective Maintenance* peruntukan yang dikhaskan untuk *facility management*.

Isu banjir, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub ada menyoal tadi, adakah akan diberikan pengecualian bagi pelajar-pelajar yang kelurusan *time time* periksa sekolahnya banjir, kalau 'O' Level ah, 'O' Level kitani menggunakan *International Board Of Examinations* bukan *local*, jadinya bagi pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan itu, tetapi kebetulan sekolahnya banjir kitani akan terus memindah pelajar-pelajar itu ke sekolah lain *so* mengubah *centre of examination* dan insya Allah akan diberikan pengangkutan jika ada keperluan atau

diberikan tempat tinggal sementara misalnya di hostel atau sebagainya dan terus menghadapkan laporan ke *Board of Examinations* dalam hal ini, kalau 'O' Level, kita akan menghubungi pihak Cambridge.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, projek pembinaan semula Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong ada diperuntukkan RKN ke-12, \$4.2 juta. Sebenarnya sekolah ini sudah siap, bajet yang ada ini adalah untuk penyediaan akaun terakhir *VO* bagi pembayaran *penalty made claim* dan jua *retention money*.

Dan mengenai dengan kebajikan guru, kemudahan tempat tinggal di Temburong, pihak Kementerian Pendidikan adalah dalam proses membaiki *institutional quarters* seperti flat, memang diakui *supply* adalah tidak mencukupi, jadinya oleh yang demikian, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan akan mengenal pasti flat-flat ataupun perumahan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan yang berdekatan dengan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin.

Mengenai dengan isu disiplin di kalangan guru, Yang Berhormat yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Alhamdulillah Kementerian Pendidikan mempunyai satu Jawatankuasa Tatatertib yang akan menangani isu-isu ini dan mereka jua sebelum atau pun selepas itu akan dirujuk untuk membuat kaunseling.

Mungkin itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Ada beberapa soalan lagi sebenarnya tetapi Insya Allah kaola akan menjawabnya secara bertulis. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya kira cukuplah kita berbahas mengenai dengan Tajuk ini. Saya ingin mencadangkan supaya Tajuk ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua Ahli bersetuju, maka Tajuk ini diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SF01A hingga SF06A Kementerian Pendidikan dijadikan sebahagian daripada jadual.

Tajuk SM01A Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, jawatankuasa sekarang beralih untuk membahaskan Tajuk SM01A Kementerian Kesihatan. Sebagaimana biasa, saya akan membagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ada nampaknya 15 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk terus, untuk turut serta dalam perbahasan bagi Tajuk ini.

Saya akan membagi Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Di Lantik dalam tiga kumpulan. Kumpulan pertama,

adalah terdiri daripada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Haji Abd Salam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusof dan Yang Berhormat Dr Awang Haji Mahali bin Haji Momin dan saya akan membacakan kumpulan-kumpulan lain, dua kumpulan lain kemudian nanti. Saya persilakan sekarang.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi, Alhamdulillah, terima kasih di atas peluang membahaskan belanjawan bagi Kementerian Kesihatan di dalam Belanjawan Negara Tahun 2025/2026 sejumlah \$652.6 juta bagi Tahun Kewangan 2025/2026. Kaola mengharapkan agar semua perancangan yang disusun dapat dicapai ke arah meningkatkan kualiti kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

Kaola merujuk kepada Kod 001/000 Kementerian Kesihatan melalui objektif ke arah memastikan kedayatahanan sistem kesihatan di samping mengukuhkan *Universal Health Coverage* secara optima serta perancangan dan perkembangan sumber

manusia yang lebih efektif. Isu kekurangan doktor, doktor pakar sememangnya sering disuarakan di Dewan yang mulia ini. Kekurangan doktor di hospital dan klinik boleh memberikan impak besar kepada kualiti dan keberkesanan perkhidmatan kesihatan. Antaranya tempoh menunggu yang panjang, beban kerja doktor yang sedia ada semakin banyak dan kualiti perkhidmatan yang semakin menurun.

Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan apakah usaha dan perancangan terbaru pihak kementerian di dalam menanganinya dan apakah perancangan jangka pendek. Apakah perancangan jangka pendek ke arah mengatasi isu kekurangan doktor ini. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi, Alhamdulillah kaola mengucapkan terima kasih di atas peluang bagi membahaskan belanjawan Kementerian Kesihatan bagi Peruntukan Kewangan Tahun 2025/2026.

Kaola merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama Kementerian Kesihatan di dalam buku Anggaran Perbelanjaan 2025/2026 melalui *indicator* peratus kadar kepuasan hati pelanggan bagi perkhidmatan dan fasiliti-fasiliti kesihatan di Kementerian

Kesihatan dengan anggaran peratus adalah sama dengan peratus sebenar iaitu 90 peratus tahun 2023/2024, begitu juga sasaran tahun-tahun seterusnya. Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan bagaimanakah kaedah penilaian dilaksanakan dan kenapa tidak ada peningkatan peratus dari segi sasaran penilaian berkenaan. Sepertimana yang dinyatakan di dalam media semalam, Negara Brunei Darussalam adalah merupakan antara negara tertinggi di dunia bagi jumlah pesakit buah pinggang.

Di dalam pada itu, apakah langkah-langkah ke hadapan ke arah memberikan kesedaran masyarakat tentang risiko penyakit berkenaan secara menyeluruh seperti kempen-kempen kesihatan dan sebagainya. Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola mempunyai tiga soalan. Soalan pertama SM01A di bawah RKN 1203 menjadikan prasarana untuk kesihatan yang baik, perubatan dan kesihatan. Ia ini mengenai dengan pembinaan bangunan perkhidmatan kecemasan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait berjumlah \$3.18 juta, perbelanjaan pada tahun ini ialah \$318 ribu. Mohon pencerahan mungkin kita tahu bahawa

hospital Kuala Belait sering terkena banjir dan adakah mungkin, adakah kementerian telah menjalankan penilaian risiko banjir di kawasan hospital berkenaan dan bagaimana hasil perbelanjaan itu akan digunakan dalam perancangan projek-projek ini nanti, Insya Allah.

Soalan kedua, 003/000 Penjagaan Kesihatan Asasi, ia ini \$26.36 juta ianya ialah objektif mengukuhkan penjagaan kesihatan asasi dan penglibatan orang awam. Semasa muzakarah dengan pihak kementerian, kaola difahamkan terdapat satu tren yang amat membimbangkan iaitu peningkatan jumlah warga tua yang ditinggalkan di hospital sebagai *long-term patient* untuk tempoh yang lama oleh keluarga-keluarga mereka. Satu tren yang tidak sihat dan tidak menampilkan keBruneian kita yang mempeduli orang tua. Situasi ini bukan sahaja memberi tekanan kepada hospital dan dari segi kapasiti dan sumber tetapi juga menimbulkan isu kesejahteraan serta kebajikan warga tua yang terabai. Soalan kaola ialah apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kementerian untuk menangani isu ini secara berkesan supaya tren ini tidak meningkat dan bagaimana kementerian dan komuniti dapat meningkatkan kesedaran dalam masyarakat mengenai masalah tren negatif ini dan agar dapat dikongkong lebih awal.

Soalan yang ketiga, Kod 006/000 Mempromosi Kesihatan dan Pencegahan Penyakit-Penyakit, bajet \$4.49 juta, yakni objektifnya mempromosi kesihatan

dan mempromosi pencegahan penyakit-penyakit yang tidak berjangkit. Dengan peningkatan kes kanser diseluruh negara termasuk peningkatan kepada 744 kes pada tahun 2023, sebagai tambahan kepada rawatan-rawatan klinikal, sistem sokongan yang kukuh daripada ahli keluarga dan *cancer survivors* amat penting. Pada masa ini sokongan banyak digerakkan oleh sukarelawan. Adakah terdapat usaha untuk memformalkan kumpulan ini, mengiktiraf peranan mereka, menghargai sumbangan-sumbangan mereka melalui secara formal ataupun *informal* serta menyediakan pembiayaan bagi memastikan kesinambungan kerja penting mereka dalam penjagaan pesakit-pesakit kanser? Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam:
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola merujuk kepada Tajuk SM01A Kementerian Kesihatan berkaitan KPI peratus bagi tunggakan kutipan hasil Kementerian Kesihatan. Yang mana baki tunggakan dalam buku belanjawan ini meningkat dari \$2.35 juta pada bulan Mac 2021 kepada \$3.15 juta pada bulan Mac 2024. Kaola mohon pencerahan, kenapakah sasaran tuggakan di dalam Tahun Kewangan yang disasarkan meningkat iaitu dari 60% di Tahun Kewangan yang terkini iaitu 2025/2026 kepada 75% di tahun-tahun kewangan

seterusnya sehingga ke Tahun 2026/2028. Apakah punca peningkatan dan inisiatif kementerian untuk memastikan tidak lagi ada tunggakan hasil yang berbaki? Kaola berharap agar pihak Kementerian Kesihatan dan juga kementerian-kementerian lain yang masih mempunyai hasil-hasil kutipan yang tertunggak, untuk menetapkan garis masa tertentu yang menyasarkan sifar tunggakan dan memastikan sasaran tersebut dipatuhi menerusi usaha dan tindakan yang lebih agresif dan efektif.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan kaola seterusnya, adalah merujuk kepada Kod 001/000 Urustadbir dan Dasar Kesihatan yang berkaitan dengan pengurusan sumber tenaga manusia, dalam Kod 001/006 dengan peruntukan sebanyak \$1,216,000.00. Dalam pengamatan kaola, kebanyakan pegawai-pegawai perubatan adalah terdiri daripada kaum wanita dan sebahagian daripada mereka ini adalah berkeluarga. Kaola merasa kagum dengan dedikasi dan komitmen mereka ini kerana di samping tugas dan tanggungjawab asas sebagai perubatan, mereka juga menjalankan tanggungjawab keluarga yang lain sebagai seorang isteri dan ibu. Kaola juga mengambil maklum ada di antara pegawai ini menamatkan perkhidmatan lebih awal disebabkan tekanan untuk mengimbangi masa berkerja mengikut shif dengan masa mengurus keluarga, yang boleh dikatakan tidak mengenal masa.

Memandangkan tempoh bagi latihan dan pengajian yang panjang serta kos yang tinggi untuk melayakkan mereka menjadi seorang pegawai dan pakar perubatan, kehilangan mereka ini adalah satu kerugian besar kepada kerajaan dan juga institusi kesihatan negara. Oleh itu, kaola mohon pencerahan kepada pihak Yang Berhormat Menteri, apakah usaha-usaha Kementerian untuk memastikan keseimbangan kerja dan kehidupan ataupun *work-life balance* khusus bagi pegawai-pegawai perubatan wanita ini agar mereka terus merasakan keseronokan bekerja dan komited untuk meneruskan perkhidmatan sebagai seorang profesional perubatan yang kompeten di samping menjalankan tanggungjawab keluarga yang ada dan kesediaan untuk meningkatkan tahap kemahiran dan kepakaran mereka. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md Yusof: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin menyentuh KPI kepuasan hati pelanggan bagi perkhidmatan kesihatan dan fasiliti-fasiliti di Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan telah menunjukkan komitmen dan usaha yang tinggi bagi memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan yang disediakan kepada rakyat dan penduduk

negeri ini berdasarkan kepada penilaian KPI, kepuasan hati pelanggan bagi perkhidmatan kesihatan dan fasiliti-fasiliti di Kementerian Kesihatan adalah 90% bagi tahun 2023/2024.

Alhamdulillah, kementerian ini terus berazam dan bertekad untuk mengekalkan kepada sasaran 90% bagi tahun 2025/2026. Kaola dalam kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua warga Kementerian Kesihatan. Namun demikian, KPI tersebut menunjukkan kadar yang sangat memberangsangkan, akan tetapi ada juga diterima aduan-aduan dari orang ramai, situasi *on the ground*, misalnya kesesakan yang dihadapi di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan, fasiliti-fasiliti yang tidak mencukupi misalnya katil-katil pesakit di wad-wad tidak mencukupi, kerusi-kerusi doktor pergigian terhad, waktu menunggu *waiting time* sehingga 2 hingga 3 jam, keadaan kebersihan serta pemuliharaan dan pemeliharaan fasiliti-fasiliti yang tidak memuaskan. Walau bagaimanapun, jika sekiranya tidak menjadi keberatan untuk memberikan pencerahan, apakah sukat-sukat atau kriteria yang diguna pakai dalam mengukur KPI kepuasan hati pelanggan bagi perkhidmatan kesihatan dan fasiliti-fasiliti di Kementerian Kesihatan dan pihak manakah yang membuat penilaian tersebut?

Kedua, kaola merujuk Kod 1203 dan 1213 – Projek RKN. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan kebijaksanaan

dan kepimpinan bijaksana serta kepedulian yang tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan baginda telah memperuntukkan, peruntukan yang sangat-sangat besar kepada Kementerian Kesihatan berjumlah \$652.5 juta bagi Tahun 2025/2026, di samping Rancangan Kemajuan Negara yang begitu besar.

Ini termasuklah antaranya projek-projek mega bagi menyediakan di bawah prasarana kesihatan yang baik, perusahaan dan kesihatan. Misalnya blok baharu Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha diperuntukkan \$1.7 juta bagi 2025/2026 dengan harga rancangan \$120 juta. Pengiktirafan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait \$542 ribu bagi tahun 2025/2026 dengan harga rancangan \$54.2, dan projek-projek lain. Apa yang ingin kaola bangkitkan di sini, projek-projek ini seperti yang dihasratkan, Insya Allah, akan meningkatkan lagi kualiti, efisiensi dan kapabiliti penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih inklusif dan komprehensif dengan lebih cemerlang dalam usaha memastikan kedayatahanan sistem kesihatan di samping memperkukuhkan *universal health coverage* di Negara Brunei Darussalam.

Apa yang ingin disarankan di sini, peruntukan yang disediakan akan digunakan sebaik-baiknya lah digunakan bagi semua projek-projek itu dan akan terus dipantau dari semasa ke semasa

sehingga pembinaannya dilaksanakan sepenuhnya mengikut rangka kerja dan tempoh masa yang ditetapkan untuk dimanfaatkan sepenuhnya. Ini adalah semata-mata bagi mengelakkan projek itu terbengkalai yang boleh menjejaskan perkhidmatan kesihatan rakyat dan penduduk negara ini.

Dan seterusnya, kalau kaola diizinkan satu perkara lagi. Kaola ingin merujuk KPI, Tajuk peratus kemasukan atau kehadiran semula pesakit-pesakit yang sama bagi diagnosis yang sama dalam tempoh 30 hari. Peratus yang sebenarnya meningkat 19.9% dari dianggarkan 10% bagi tahun 2023. Manakala bagi anggaran peratus 2024/2025 dan beberapa tahun seterusnya adalah mendatar di antara 9 hingga 10%. Tajuk ini ada kaitannya dengan Kod 004/000 Penjaga Kesihatan *Secondary* dan *Tertiary* dengan objektifnya meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang selamat, berkesan dan *people-centred*. Kaola berpendapat dengan adanya peningkatan kualiti perkhidmatan dan penggunaan aplikasi teknologi yang canggih dan tinggi disertai dengan lebih ramai lagi pelbagai profil kesihatan yang berkepakaran lagi berkualiti sepatutnya peratusnya ini akan menurun. Sehubungan dengan ini kaola memohon pencerahan apakah asas-asas dan faktor-faktor utama KPI ini tidak menurun?

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah.
Assalamualaikum warahmatullahi

wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola sukacita merujuk kepada Tajuk Kod 005/008 untuk memohon pencerahan mengenai jenis *non-clinical support services* yang akan diswastakan serta sejauh mana keberkesanan penswastaan khidmat tersebut dalam meningkatkan kualiti *patient safety*. Selain itu, apakah strategi yang telah dirangka untuk memastikan perkhidmatan ini diberikan kepada syarikat-syarikat perubatan tempatan bagi menyokong pertumbuhan industri kesihatan dalam negara serta meningkatkan ruang pekerjaan pada rakyat tempatan?

Seterusnya bagaimanakah pihak kementerian akan memantau dan menilai prestasi syarikat yang menyediakan *non-clinical support services* ini bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan memenuhi *standard* atau piawaian yang ditetapkan dan tidak menjejaskan operasi fasiliti kesihatan. Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Kalau saya tidak silap soalan ataupun perkara itu telah pun diterangkan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam sama ada dalam yang menjawab soalan-soalan yang dikemuka terlebih awal atau pun

dalam Kenyataan Menteri yang dibuatnya. Jadi anda payahlah barangkali, apa namanya ni, Yang Berhormat Menteri Kesihatan membuat penerangan yang panjang lebar mengenainya.

Saya sekarang akan mempersilakan kumpulan yang kedua, iaitu yang terdiri daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd.

Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merujuk bilangan Akaun 2106 *Maintenance* dan Pembaikan Aset dengan nilai anggaran bagi Tahun Kewangan 2025/2026 berjumlah \$32.1 juta, lebih tinggi daripada peruntukan Tahun Kewangan 2024/2025. Kaola merujuk daripada Bangunan Pusat Pengasingan Kebangsaan Brunei, iaitu *Brunei National Isolation Centre, NIC* yang pusat ini adalah merupakan strategi ke arah melindungi masyarakat dan memastikan pengawalan pesakit

berjangkit dilakukan dengan sebaik-baiknya.

Semasa pandemik *COVID-19*, Pusat Pengasingan Kebangsaan ini beroperasi sepenuhnya dan dilengkapi dengan kelengkapan yang serba canggih dan mahal. Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan mengenai kos *maintenance* yang ditanggung oleh pihak kerajaan di dalam memastikan keupayaan pusat ini sentiasa di dalam tahap bersiap sedia. Apakah perancangan pihak kesihatan di dalam memperluaskan kegunaan pusat ini untuk dimanfaatkan sebagai alternatif kepada perkhidmatan kesihatan yang sedia ada? Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola ingin merujuk kepada Petunjuk Prestasi Utama dalam belanjawan Kementerian Kesihatan SM01A khususnya berkaitan kadar peratus kepuasan hati pelanggan bagi perkhidmatan dan fasiliti-fasiliti kesihatan di Kementerian Kesihatan. Seperti yang telah dibawakan jua oleh rakan Ahli Yang Berhormat awal tadi yang dinyatakan berada pada 90% bagi kadar sebenar pada tahun 2023/2024 dan sasaran yang sama dikekalkan untuk tahun-tahun akan datang.

Semasa Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, Majlis Mesyuarat Negara tahun ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenalkan dasar Perkhidmatan Kesihatan bagi penduduk tetap tanpa kewarganegaraan dikemaskini agar diberikan kemudahan seperti warganegara. Langkah ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan akses kesihatan yang lebih menyeluruh sejajar dengan aspirasi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam memastikan kadar kepuasan pelanggan ini dapat dicapai, penting untuk memastikan bahawa pengukuran kadar kepuasan pelanggan mencerminkan realiti pengalaman pesakit di pelbagai fasiliti kesihatan termasuk *hospital*, pusat kesihatan dan klinik luar bandar.

Selain kualiti rawatan, pengalaman pesakit turut dipengaruhi oleh masa menunggu, keberkesanan sistem temujanji serta ketersediaan tenaga kerja kesihatan dalam menangani permintaan yang semakin meningkat. Kajian terhadap aspek-aspek ini dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada kepuasan pelanggan serta ruang penambahbaikan yang boleh diterokai. Cabaran seperti kesukaran mendapatkan slot perjanjian, tempoh menunggu bagi mendapatkan rawatan pakar serta kekangan tenaga kerja perlu terus diberi perhatian bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang diterima benar-benar mencerminkan tahap kepuasan yang tinggi sebagaimana yang disasarkan.

Dalam aspek ini, kaola berpandangan bahawa sistem giliran dan temujanji bagi

rawatan pergigian juga boleh terus ditambah baik agar lebih masa pengguna dan *responsive* kepada keperluan pesakit sebagai contoh sistem temujanji boleh dioptimumkan dengan notifikasi *automatic* dan pembukaan slot gantian membolehkan pesakit lain mengambil tempat sekiranya terdapat pembatalan temujanji pada saat-saat akhir. Ini bukan saja dapat mengurangkan kadar ketidakhadiran pesakit tetapi juga memastikan kapasiti rawatan digunakan secara maksimum.

Selain itu memandangkan jumlah slot perjanjian telah ditambah secara beransur-ansur, kaola berpandangan bahawa adalah wajar untuk menilai keberkesanan inisiatif ini dalam mengurangkan masa menunggu bagi mendapatkan rawatan pakar. Jika masa menunggu masih panjang atau proses mendapatkan slot masih mencabar bagi pesakit, mungkin terdapat keperluan untuk menyesuaikan semula strategi penjadual dan keutamaan rawatan agar lebih seimbang dan berkesan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Pengerusi.

Terima kasih di atas ruang perbincangan bagi perbelanjaan Kementerian Kesihatan bagi Tahun Kewangan 2025/2026. Kaola merujuk kepada promosi kesihatan dan pencegahan penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Antara objektif kementerian adalah kehidupan sihat di kalangan masyarakat melalui pelaksanaan dasar dan Program Pencegahan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit dan menerusi amalan cara hidup sihat. Dalam pada itu, kaola menimbulkan kebimbangan berkenaan dengan gejala mental di kalangan kalangan generasi muda yang semakin ...

(Alat pembesar suara Yang Berhormat tidak beroperasi dan Yang Berhormat kemudiannya menyambung perbincangan di tempat duduk Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman)

Baik merujuk mengenai dengan kebimbangan berkenaan dengan gejala mental di kalangan generasi muda yang semakin menjadi isu serius dalam masyarakat hari ini.

Faktor-faktor yang menyebabkan kebimbangan ini semakin meningkat termasuklah perubahan dalam cara hidup, tekanan sosial dan cabaran ekonomi. Antara isu utama adalah tekanan akademik dan pendidikan, pengaruh media masa sosial, kekurangannya sokongan sosial dan pengaruh ekonomi. Justeru itu, kaola memohon pencerahan apakah usaha-usaha pihak kementerian di dalam menangani gejala mental di kalangan masyarakat khususnya generasi muda di Negara Brunei Darussalam. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty bin Haji Abdul Momin: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ada dua soalan Yang Berhormat.

Merujuk SM01A Kementerian Kesihatan. Yang pertama, RKN1203/006: Perkhidmatan Makmal dan Jabatan Perkhidmatan Saintifik. Projek *total* \$35,510,000.00. Merujuk kepada Tajuk SM01A, Kod RKN1203/006, mohon pencerahan mengenai status projek ini memandangkan jumlah peruntukan tahunan yang masih di tahap rendah bagi dua Tahun Kewangan iaitu tahun 2024 hingga 2026. Sehubungan dengan itu, kaola menyokong inisiatif penswastaan pembinaan dan perkhidmatan makmal untuk mempercepatkan proses analisis dan membantu mengembangkan ekonomi melalui sektor agrimakanan.

Soalan yang kedua, mengenai KPI Kadar Berat Badan Berlebihan dan Obesiti bagi Mereka yang Berumur di bawah 18 tahun, *baseline* 18.9% sasaran 0%. Alhamdulillah, perlaksanaan cukai gula merupakan langkah positif ke arah pencegahan obesiti. Namun, data menunjukkan bahawa Brunei masih berada antara negara dengan kadar obesity tertinggi di negara, rantau ASEAN. Bagi memastikan usaha pencegahan yang lebih berkesan, apakah langkah yang boleh diambil oleh Kementerian Kesihatan selain daripada tindakan berkaitan makanan? Adakah terdapat langkah proaktif lain seperti inisiatif pendidikan kesihatan awam untuk meningkatkan kesedaran dan mengubah gaya hidup sedentari dalam kalangan rakyat?

Sebagai contoh, aktiviti di pusat kesihatan boleh diperluaskan dengan menganjurkan pertandingan penurunan berat badan serta program kekeluargaan yang menggalakkan gaya hidup sihat. Bagaimanakah kementerian boleh bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan kementerian lain serta sektor swasta untuk mewujudkan program senaman wajib di sekolah dan di tempat kerja dan juga memperkenalkan garispanduan khusus memastikan pelajar mendapat akses kepada makanan berkhasiat?

Kaola mencadangkan supaya terdapat KPI-KPI yang lebih tepat dalam menggambarkan situasi semasa dan tren obesiti dalam negeri terutama bagi mengenal pasti kumpulan umur yang paling terjejas. Selain itu, KPI-KPI juga perlu merangkumi langkah pencegahan dan kesedaran termasuk inisiatif yang telah dilaksanakan seperti program Pendidikan Kesihatan kepada masyarakat. Langkah pencegahan ini penting untuk memastikan rakyat tidak hanya mengambil serius isu obesiti apabila sudah terlambat. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Hanya beberapa soalan tambahan saja sebab dua soalan bertulis kaola sudahpun dijawab oleh Yang Berhormat

Menteri Kesihatan dalam kenyataan ulasan terdahulu.

Pertama, alhamdulillah kaola peratikan pada Tahun Kewangan 2025/2026 ini, Kementerian Kesihatan sekali lagi telah diberikan pertambahan peruntukan agak besar sebanyak \$79.5 juta bagi Perbelanjaan Biasa. Ini adalah sebagai tambahan kepada peningkatan peruntukan sebanyak \$157 juta yang disediakan pada Tahun Kewangan yang lepas. Kurnia kenaikan ini pada hemat kaola mencerminkan keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan inklusif kepada rakyat dan penduduk negara ini. Kaola menghargai dan mengalu-alukan komitmen Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa Kementerian Kesihatan akan menggunakan peruntukan yang disediakan secara berhemah dan *cost-effective* khususnya ke arah memperkesakan dan meningkatkan lagi perkhidmatan kementerian dalam jaga dan memelihara kesihatan awam di negara ini secara keseluruhannya, Alhamdulillah. Berhubung dengan perkara ini, kaola hanya ingin memohon pencerahan sahaja apakah program pembaikan yang akan dilaksanakan dari kenaikan peruntukan sebanyak \$9.7 juta bagi perkhidmatan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ini?

Kedua, kaola melihat *Nursing College*, JHCS boleh bertindak sebagai pemangkin dalam usaha negara menjadi *Centre of*

Excellence bagi melatih dan mengeluarkan bakal-bakal jururawat yang profesional dan berprestasi tinggi bagi memenuhi keperluan negara dan *beyond*. Mohon mengetahui bagaimanakah penubuhan kolej ini akan dapat mendukung, menyokong dan mensejajarkan perkhidmatannya dengan beberapa perkhidmatan kepakaran yang sedang diusahakan oleh *Pantai Jerudong Specialist Centre*, *Gleneagles JPMC*, JPMC hospital-hospital kerajaan dan kepada perkhidmatan kesihatan secara keseluruhan di negara ini. Kerana kaola perhatikan di bawah Tajuk 004/009 Perkhidmatan Kejururawatan juga ditambah peruntukan sebanyak \$6 juta pada Tahun kewangan 2025/2026 ini. Adakah ianya nanti akan menggunakan perkhidmatan jururawat tempatan yang terlatih yang lulus dari kolej ini dan institusi pendidikan yang sedia ada di negara ini?

Yang terakhir, di negara-negara jiran kita di rantau ini misalnya Singapura, Thailand, Malaysia terdapat beberapa pusat pakar telah ditubuhkan dan diurus sepenuhnya oleh sektor swasta. Ianya telah membuka lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan kepada pakar, konsultan, *doctors*, jururawat dan pekerja-pekerja kesihatan tempatan. Dalam waktu yang sama, penubuhan pusat-pusat kesihatan pakar swasta ini akan dapat merangsang banyak lagi aktiviti-aktiviti sampingan yang berkaitan samping *spin-off* nya kepada ekonomi negara secara keseluruhan dan ianya juga boleh menjadi tarikan kepada pesakit-pesakit luar negara untuk

mendapatkan rawatan di negara ini jika harga perkhidmatan yang dikenakan adalah berpatutan dan kualitinya setanding dengan pusat-pusat di luar negara. Ke arah itu, kaola ingin memohon pencerahan sama ada terdapat perancangan yang jangka sederhana atau panjang untuk membukakan *license* untuk penubuhan *Specialised Centre* yang dikendalikan dan diurus sepenuhnya oleh sektor swasta. Ini untuk *compliment* perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Pakar yang sedia ada pada ketika ini. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kaola menyentuh Kod 007/000 Perkhidmatan Makmal Saintifik dan Forensik. Mendukung sektor Industri Makanan dan Pematuhan kepada piawaian antarabangsa bagi organisasi dan peralatan melalui tenaga kerja yang kompeten di dalam usaha ke arah menghasilkan produk-produk berasaskan makanan untuk pasaran serantau dan antarabangsa hendaklah memenuhi dan mematuhi *standard* yang ditetapkan oleh Badan-Badan Antarabangsa seperti *Codex Alimentarius*, *World Health Organisation*, WHO dan *Food and Agriculture Organisation*. Perkara ini penting untuk memastikan keselamatan makanan, kualiti serta pematuhan terhadap peraturan dan piawaian global yang diiktiraf.

Sehubungan dengan itu, kaola memohon pencerahan apakah kemudahan makmal yang disediakan oleh pihak Kesihatan ini mematuhi *standard* piawaian antarabangsa dan bagaimana caranya jika orang ramai khusus peniaga PMKS ingin mendapatkan perkhidmatan makmal bagi tujuan mendapatkan pengesahan pengiktirafan ujian produk-produk makanan mereka memenuhi *standard*.

Sekian terima kasih, Wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi:

Kumpulan yang Ketiga, Yang Berhormat Awang Lau How Teck, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Lau How Teck:

Yang Berhormat Pengerusi, kesihatan adalah tunjang kesejahteraan negara dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai menyelaraskan Caj Kesihatan bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan mencerminkan prinsip kesaksamaan dan kebijakan yang menjadikan asas sistem perkhidmatan kesihatan negara.

Ini adalah satu langkah berimpak besar, bukan sekadar dalam memastikan akses rawatan yang lebih menyeluruh tetapi juga dalam memperkasakan daya tahan sistem kesihatan bagi menyokong

pembangunan masyarakat yang lebih produktif. Melihat kepada tajuk SM01A – Kementerian Kesihatan, sejumlah \$652 juta telah diperuntukkan untuk memastikan sistem kesihatan terus berkembang dan berdaya saing. Peruntukan di bawah Kod 1203 untuk menyediakan prasarana untuk kesihatan yang baik adalah satu keperluan asas yang menyokong peningkatan kapasiti rawatan. Kaola ingin mencadang di mana pembangunan ini turut mempertimbangkan, mengagihkan sumber kesihatan secara seimbang, memastikan hospital di luar kawasan bandar mempunyai kemudahan setanding hospital utama. Menyesuaian kemudahan kesihatan kepada keperluan populasi orang tua dengan menambah baik perkhidmatan *geriatric* dan penjagaan jangka panjang.

Selain itu, jumlah \$326 juta dalam Kod 03/000 diperuntukan bagi menjaga penjagaan kesihatan asasi dan \$391 juta Kod 004/000 untuk penjagaan kesihatan *secondary/tertiary* dengan jumlah yang besar ini adalah penting untuk memastikan setiap aspek perkhidmatan kesihatan berjalan dengan lebih cekap, berkesan dan juga berorientasikan pesakit. Oleh itu, kaola mencadangkan mempercepatkan akses kepada rawatan khususnya terutamanya bagi kes kanser, jantung dan penyakit kronik dengan menambah baik sistem *Triage* dan penyelarasan rujukan antara pusat kesihatan dan hospital. Memperkasakan peranan doktor perubatan keluarga agar pesakit dalam dikesan dan dikenali lebih awal, sebelum menjadi kes yang lebih

serious. Diharapkan dengan kesaksamaan dan kemudahan kesihatan keutamaan kepada rawatan penyakit kritikal dan peranan yang lebih proaktif, sistem kesihatan kita akan mampu menyokong kesejahteraan rakyat dan penyeluruh. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ada beberapa soalan sahaja. Ah ada sudah soalan yang dijawab. Soalan pertama yang ingin kaola tanyakan mengenai dengan autisme tetapi telahpun dijawab dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa menjawab, aa, soalan lisan.

Soalan kaola yang seterusnya adalah mengenai dengan, aa, penjagaan kesihatan. Kaola amat sangat bersyukur bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengutamakan kesihatan rakyat dan penduduknya dengan memberi penjagaan dan rawatan percuma kepada pesakit-pesakit tempatan Negara Brunei Darussalam sepertimana jua peruntukan yang telahpun disediakan yang sebanyak \$652 juta.

Satu isu yang sering dibincangkan oleh, anulah orang ramai, kekurangan tenaga pakar, doktor dan jururawat yang masih diperlukan. Dalam hubungan ini, kaola juga melihat satu *pattern* di mana pakar

doktor menamatkan perkhidmatan mereka apabila mencapai had umur atau tamat *bond*. Kaola bertanya jika mereka ini ditawarkan Skim Perkhidmatan atau Kontrak yang lebih menarik, aa, agar mereka kekal dalam perkhidmatan kerana pengalaman mereka amat berguna bagi perkhidmatan kesihatan. Di samping itu, mereka berupaya menjadi *mentor* kepada doktor-doktor dan tenaga perkhidmatan kesihatan yang lain.

Soalan kaola seterusnya ialah mengenai dengan Akaun 1203 iaitu menyediakan prasarana di mana di bawah Tajuk 1203002 Blok Baru Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telahpun dibagi peruntukan. Kaola melihat pada keseluruhannya hospital ini perlu diberi wajah baru kerana ia nampak *run-down* dan di samping itu, perlu dipertingkatkan fasiliti-fasiliti yang sedia ada, apakah ini juga telah ditimbulkan oleh rakan Yang Berhormat tadi. Jadi sebagai menambah sahaja bahawa,...aa....sebagai sebuah hospital utama di negara ini maka adalah wajar jika ia di penambah baik. Walau bagaimanapun, kaola mengambil maklum jua petunjuk prestasi utama yang dikongsikan dimana catitan dicatitkan bahawa 90%kadar kepuasan hati pelanggan bagi perkhidmatan fasiliti-fasiliti kesihatan yang sedia ada di Kementerian Kesihatan.

Seterusnya, kaola ingin mengetahui status perkhidmatan *paramedic* dan usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan mereka kerana mereka membawa pesakit adalah sangat penting dan kaola ingin mengetahui sama ada mereka ini ada diberi latihan-latihan

selanjutnya sama ada di dalam atau di luar negeri supaya perkhidmatan mereka lebih baik dan cekap. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Akhir sekali kaola merujuk kepada SM01A, iaitu 006/003 Pengurusan Program Saringan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit dan ingin bertanya bagaimana ia boleh lebih berkesan kerana ada di antara pesakit-pesakit walau sudah sering berjumpa dengan doktor dan sebagainya tetapi akhir-akhirnya mereka diberitahu menghidap contohnya kanser *Stage 4*. Di sebalik sering berjumpa doktor dan sebagainya. Jadi kaola ingin mengetahui bagaimanakah pihak kementerian dapat mengurangkan kes-kes seperti ini. Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

Kaola ada satu soalan saja, merujuk SM01A 005/001 diluluskan sekitar \$60 juta dan anggaran 2025/2026 ialah \$92 juta dan 005/006, sebanyak \$7.3 juta diluluskan pada tahun 2024/2025 dan anggaran pada 2025/2026 adalah \$14.6 juta. Betulkan kaola sekiranya salah, Simpor Pharma Sdn. Bhd. yang hanya mengkilangkan *supplement*. Jadi memandangkan kenaikan yang begitu drastik, adakah *viable* membina, mengkilangkan *pharmaceutical* dan peralatan-peralatan perubatan di Brunei

mengambil kira *economic of skill, logistic*, ketersediaan bahan-bahan *material*. Pembuatan ini hanya mengkilangkan ubat-ubatan atau peralatan yang asas yang sering dikonsumsi seperti *Panadol* dan sebagainya. Sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya akan memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk sama ada memberikan jawapan atau memberikan ulasan atau responsnya terhadap beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Di-Lantik. Silakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Bismillahir Rahmanir Rahim. Pertama sekali peramba/kaola mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Di-Lantik dengan soalan-soalan yang diajukan. Seperti biasa dengan rakan-rakan yang lain, izinkan kaola menjawab apa yang kaola mampu Yang Berhormat Pengerusi dan selebihnya secara bertulis.

Mula-mula sekali izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dulu mengenai dengan warga emas ini. Mengenai jumlah warga emas yang ditinggalkan di hospital untuk tempoh yang lama isu ini memang membimbangkan dan pihak Kementerian Kesihatan telah pun meneliti pelbagai langkah-langkah untuk menangani perkara ini. Terlebih dahulu untuk makluman, sebahagian besar kes warga

emas yang tinggal lama di hospital ini adalah berpunca daripada isu sosial seperti ketiadaan penjaga yang sesuai di rumah atau menunggu kedatangan pembantu rumah yang baru.

Sebahagian kecil keluarga juga tidak dapat atau pun enggan untuk menjaga warga emas yang mengalami keadaan yang teruk seperti pesakit yang terlantar di atas katil atau mengalami Demensia lanjut. Warga emas yang hidup sebatang kara tanpa ahli keluarga di negara ini dan persekitaran rumah yang tidak sesuai dan memerlukan pengubahsuaian. Seterusnya, faktor lain adalah keperluan peralatan perubatan seperti katil hospital yang belum tersedia, ketiadaan penjaga yang sesuai di rumah atau menunggu pembantu rumah yang seperti saya nyatakan tadi dan sebahagian kecil adalah saya sebut tadi juga masalah keluarga yang anda mahu menjaga inilah jua. Jadi Kementerian Kesihatan melalui Unit Geriatrik dan Paliatif, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Bahagian Pekerja Sosial Perubatan or *medical social worker* sentiasa bekerjasama dan mengenal pasti dan mencari penyelesaian bagi isu berkenaan termasuk meminjamkan katil hospital atau peralatan perubatan yang diperlukan.

Namun, stok peralatan perubatan adalah terhad dan kadangkala pesakit perlu menunggu peralatan dikembalikan oleh pesakit terdahulu sebelum boleh dipinjamkan kepada yang memerlukan. Memandangkan kebanyakan isu ini adalah berkaitan dengan aspek sosial penyelesaiannya memerlukan kerjasama

pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, NGO, ahli Akar Umbi dan masyarakat secara keseluruhan. Oleh itu, usaha kesedaran sosial serta penglibatan seperti Ketua Kampung dan komuniti amat diperlukan bagi memastikan kebajikan warga emas terjaga.

Sebagai contoh, mempercepatkan proses mendapatkan pembantu rumah dengan surat sokongan hospital dan juga bantuan kewangan bagi mereka yang tidak mampu untuk mendapatkan bantuan pembantu rumah. Kementerian Kesihatan bekerjasama rapat dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat atau pun JAPEM yang sentiasa menyokong kesejahteraan hal ehwal warga emas di negara ini menerusi beberapa inisiatif seperti menguatkuasakan Undang-Undang Perlindungan Warga Emas bagi melindungi hak dan kesejahteraan wargaemas termasuk undang-undang yang memastikan ahli keluarga bertanggungjawab atau penjagaan orang tua mereka.

Memberikan bantuan kewangan atau insentif kepada keluarga memerlukan bantuan menjaga orang tua mereka di rumah. Dari pihak Kementerian Kesihatan pula, Bahagian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi memberikan melalui Pusat-Pusat Kesihatan dan klinik-klinik kesihatan di seluruh negara, salah satu perkhidmatan yang relevan dalam persoalan ini adalah Perkhidmatan Penjagaan Rumah ke Rumah, *Home Based Nursing*. Walau bagaimanapun,

seperti saya nyatakan sebelum ini perkhidmatan ini hanya diberikan kepada mereka yang mempunyai kriteria-kriteria tertentu saja, iaitu bagi pesakit yang telah disahkan oleh profesional kesihatan sebagai pesakit terlantar di atas katil *or bedbound* atau terlantar di rumah *or housebound* yang memerlukan prosedur-prosedur tertentu seperti pertukaran *urinary catheter*, pertukaran *nasogastric tube* dan sebagainya.

Selain itu, bagi pesakit-pesakit yang berupaya menghadirkan diri ke pusat kesihatan akan diberikan perkhidmatan di pusat-pusat berhampiran. Sebarang keperluan tambahan yang dikenal pasti akan dapat diusahakan melalui rujukan kepada pihak-pihak yang tertentu seperti *medical social worker*. Mana-mana pesakit yang baru *discharged* dari hospital termasuk pesakit warga emas secara rutinnya kan diberikan tarikh perjanjian di klinik pakar atau pun dirujuk kepada pakar di Bahagian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi bagi *follow-up* seterusnya. Walau bagaimanapun, jika pesakit tersebut mengalami masalah kesihatan baru dan mereka ini mampu untuk menghadirkan diri ke pusat-pusat kesihatan atau mereka boleh berjumpa doktor-doktor di pusat kesihatan yang berdekatan.

Antara rancangan masa depan ialah meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang tanggungjawab menjaga warga emas di rumah. Mendorong lebih banyak penyertaan sektor swasta dalam menyediakan kemudahan penjagaan

warga emas termasuk penjagaan di rumah.

Bekerjasamna dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam Program *Caregiver* yang dilaksanakan bersama Institut Pendidikan Teknikal Brunei, IBTE untuk menyiapkan individu sebagai penjaga pesakit dan seterusnya membuka peluang kepada pencari pekerjaan yang menceburkan diri dalam bidang ini dan sama-sama meneliti pendekatan secara *whole-of-nation* di dalam menangani isu penjagaan warga emas dengan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang lain untuk mengukuhkan lagi perkhidmatan dan penjagaan mereka secara menyeluruh dan bukan sahaja dari segi aspek kesihatan termasuk mengukuhkan mekanisme pesakit dapat dihubungkan dengan pelbagai perkhidmatan sosial dan komuniti dalam meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan mengikut keperluan individu tersebut.

Seterusnya, mengenai dengan Hospital Suri Suri Begawan, Yang Berhormat Pengerusi. Seperti yang kita sedia maklum isu banjir yang sering terjadi di Daerah Belait sama ada berada di dalam *monsoon* timur laut *or* musim tengkujuh yang kita alami pada masa ini. Isu banjir di Daerah Belait sering kali terjadi disebabkan fenomena air pasang besar terutama di kawasan muara Sungai Kuala Belait. Pada waktu air pasang, ditambah dengan hujan lebat berpanjangan boleh menyebabkan limpahan air sungai ke kawasan daratan termasuk hospital yang mengakibatkan gangguan operasi dan risiko

keselamatan. Walau bagaimanapun, dari pengalaman kejadian banjir sebelum ini, perkhidmatan kecemasan dan kawasan sekitar bagi projek tersebut tidak pernah terjejas disebabkan oleh peningkatan paras air dan perkhidmatan ini sentiasa beroperasi seperti biasa 24 jam semasa berlakunya banjir di kawasan lain di Hospital Suri Seri Begawan.

Untuk makluman, projek pembinaan bangunan baru bagi Perkhidmatan Kecemasan di Hospital Suri Seri Begawan yang menggunakan peruntukan RKN-12 telah bermula pada 26 Februari 2025 dan dijangka siap pada bulan Februari 2026 dan terletak bersebelahan dengan Jabatan Perkhidmatan Kecemasan sekarang serta dibina lebih tinggi daripada paras tanah. Namun begitu, sebagai langkah kesiapsiagaan pihak pengurusan Hospital Suri Seri Begawan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan melaksanakan inisiatif seperti pembinaan kalbat di Jalan Panglima, Kuala Belait pada bulan Jun 2023. Tujuan inisiatif ini ialah untuk memastikan saliran di luar kawasan hospital berfungsi dengan baik.

Seterusnya, penilaian dan penyelidikan bagi sistem saliran dan pementakan di dalam dan di luar kawasan Hospital Suri Seri Begawan sedang dijalankan dan seterusnya hasil penilaian tersebut akan dihadapkan oleh pihak JKR Insya Allah, dalam suku kedua pada tahun ini untuk mitigasi banjir seterusnya.

Seterusnya, soalan ketiga mengenai usaha memberi pembiayaan kepada *cancer group*. Jadi Pertubuhan Bukan Kerajaan, *NGO* yang memberi sokongan kepada pesakit kanser memainkan peranan penting lah dalam membantu pesakit, keluarga dan masyarakat menghadapi cabaran ini. Mereka berfungsi sebagai pelengkap kepada perkhidmatan kesihatan kerajaan dan menyediakan pelbagai bentuk bantuan termasuk rawatan, sokongan emosi, kesedaran dan advokasi.

NGO dalam sekumpulan sokongan kanser memang sebenarnya wujud di peringkat di negara ini dan Kementerian Kesihatan sentiasa memberikan sokongan melalui kepakaran seperti Ceramah Kesihatan, Sokongan Kesihatan Mental daripada Pakar Psikologi, kepakaran klinikal serta sokongan penjagaan pesakit oleh jururawat. Antara kumpulan sokongan *support group* yang bergiat aktif adalah Pusat Yayasan Kanser Kanak-Kanak ataupun YASKA dan *Brunei Breast Cancer Support Group* dan kaola difahamkan ada satu lagi *NGO* baru yang didaftarkan *Cancer Care* dan *Advocacy Group*.

Kementerian Kesihatan sentiasa menyokong dan memberikan kerjasama kepada persatuan-persatuan tersebut. Dan mengenai dengan *Cancer Support Group* ani jua, Insha Allah, *The Brunei Cancer Centre* akan apa ni *extend* dorang punya penjagaan kepada *survivorship* so ini akan memberi peluang kepada pesakit-pesakit kanser *and those who survive to have a formal support group*

jua through the Survivorship Programme yang akan dilancarkan oleh Pusat Kanser Brunei. Terima kasih.

Seterusnya, mengenai dengan tunggakan dulu, ia meningkat 60% kepada 75%. Tunggakan ani Yang Berhormat Pengerusi *is our* kutipan yang macam inda membayar *so we want to improve it to 75%*, masa ani tunggakan mencapai 60% *so we want to improve* tunggakan kepada 75%. Ia *basically is* melimpaskan *coverage insurance* dan tunggakan yang lama bagi pesakit-pesakit yang tidak dapat dikesan keberadaannya, walaupun sudah dicari *with all option*. Jadi inisiatif kementerian ialah berkerjasama dengan agensi berkepentingan untuk membuat penelitian terhadap perkhidmatan *insurance* bagi pekerja asing dan pengguna yang mana Kementerian Kesihatan mencadangkan jumlah perlindungan insurans bagi warga asing dinaikkan kepada \$100,000 seperti yang dinyatakan baru-baru ani oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. *So* ani akan mengurangkan tunggakan-tunggakan di Kementerian Kesihatan dan diharap dengan *implementation of these policy in future we will have no* tunggakan daripada pesakit-pesakit lah terutama daripada pesakit bukan warganegara atau penduduk tetap.

Mengenai dengan *non-clinical support service*, Alhamdulillah, program ani adalah untuk memastikan *service or* perkhidmatan ini dibuat khas untuk yang nya orang pakar lah. Jadi *non-clinical*

support service ani termasuk dalam *waste management, laundry and cleaning, biomedical engineering, facility management* dan sebagainya. Jadi, buat masa ani ia dibagi-bagi, dulu ia punya rancangan *as a lock, stock, barrel* tapi disebabkan sebab tertentu ia dipacah-pacahkan dan ani akan menjana lebih banyak apa ni, *company* tempatan untuk tampil kehadapan. Dan apa yang penting dalam *non-clinical support service* ini untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan pesakit dan pekerja dan orang awam ialah melalui *standards of operating procedures or standards or KPI* yang mengikut piawaian antarabangsa. Jadi, Kementerian Kesihatan pun telah mengambil seorang konsultan untuk membuat piawaian-piawaian tertentu supaya kontrak-kontrak tani yang dibuat dengan *company-company* tempatan ani mengikut piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan dan dapat dibuat dengan baik dan kementerian pun dapat membuat penilaian apa yang patut dinilai. *So no point on our side don't know what we are inspecting according to the international law, so* Alhamdulillah, dengan adanya konsultan ini pihak Kementerian Kesihatan akan lebih memahami macam mana membuat penilaian sesuatu kerja itu lah terutama sekali dalam ia punya *turn-around times* dan sebagainya.

Mengenai dengan kepuasan hati pelanggan. Kepuasan hati pelanggan ani diambil *basically* oleh *our corporate comm* dengan kerjasama pentadbiran-pentadbiran lain. Ia diambil daripada beberapa kaedah. Ia seperti daripada

MOHcares, *the app* disana dan *from the customer feedback* yang *direct* jua dan melalui *what do you call this, interviews of people, I mean* pesakit yang ada di. Jadi ia dibuat sepanjang tahun dan dikumpulkan dan dari sanalah kitani mendapat sukat-sukat dimana orang ramai membuat penilaian kitani di Kementerian Kesihatan.

Mengenai dengan penyakit buah pinggang, memang Brunei mempunyai kadar penyakit buah pinggang tahap akhir yang tinggi dan kebanyakannya ia berkaitan dengan penyakit kencing manis. Hampir 80% penyakit buah pinggang ani adalah disebabkan oleh kencing manis. Walau bagaimanapun, kejadian dan *prevalence* nya ani setara dengan negara-negara yang berpendapatan tinggi kerana liputan kesihatan yang sejagat. *So*, langkah-langkah yang telah diambil termasuklah meningkatkan kesedaran orang awam, mempromosikan gaya hidup sihat dan penilaian kesihatan awal dari individu berisiko tinggi contohnya sejarah atau keluarga dengan kencing manis, obesiti dan meningkatkan penglibatan penjagaan di peringkat akar umbi jua dan meningkatkan bilangan doktor diabetes dan buah pinggang mengikut jumlah kes yang semakin meningkat. *So*, ia adalah memerlukan *not just whole-of-government but whole-of-nation* jua lah ah terutama sekali dalam menangani penyakit-penyakit tidak berjangkit untuk mengurangkan beban penyakit kegagalan buah pinggang.

Isu kekurangan doktor, ia bukan saja kekurangan doktor, kekurangan *nurses and allied health* dan sejak *COVID*, for some reason, banyak negara-negara maju menunjukkan *that* kekurangan *doctor and nurse* di negara masing-masing. Jadi, apa yang menjadi kepayahan bagi negara kitani ialah tani bersaing dengan negara-negara berpendapatan tinggi yang lain yang mana mereka sendiri menyatakan kekurangan doktor dan jururawat dan *allied health* ani. So, di sana lah kitani cuba *improve* tani punya *recruitment*, sepertinya macam doktor atu *we make sure remuneration* ah dari segi gajinya atu *competitive* dan doktor yang ada ani pun yang dari luar ani jua boleh meningkatkan kemahirannya walaupun ia berada di negeri kitani. So diorang punya *continuous professional development* pun ada jua.

Dan selain daripada atu jua, apa yang Kementerian Kesihatan buat *is to improve the recruitment* is jangan menginterview hari ani, dua tahun kemudian baru memberitahu ia berjaya. So, atu lah yang menjadi kepayahannya sebelum ani. Jadi, Alhamdulillah, seperti saya nyatakan sebelum ini, dengan kebijaksanaan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan di Kementerian Kesihatan, di mana pengambilannya hanya mengambil beberapa bulan sahaja dan ditetapkan gajinya pun, nya orang, dalam masa

yang pendek. *So it applies to doctors, nurses and allied health.*

Mengenai dengan soalan dari Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam mengenai penglibatan wanita di dalam bidang perubatan. Tidak dinafikan *I think more than 60% of the doctors are women. So*, syabas kepada kaum hawa. Tapi ani menunjukkan jua *they are also a majority in tertiary schools*, di universiti pun diorang jua. Jadi memang satu *challenge for the ladies to work in health care* terutama sekali bagi yang sudah berkeluarga, nya orang kitani beranak pinak dengan penjagaan keluarga. Tidak dinafikan beberapa doktor tempatan pun banyak yang berhenti daripada kerajaan disebabkan *this* kepayahan ani lah. Ganya *unfortunately, in government we don't have that flexibility* macam di negara-negara luar yang lain.

Di mana *they have a part-time or flexible working hours for the doctors. So*, mungkin ani satu cadangan yang baik yang boleh dikemukakan balik ke pihak yang tertentu, yang mana membolehkan doktor, terutama sekali doktor tempatan untuk membuat *part-time or flexible working hours. So most of them ani involved with difficult situations, so they just*, apa nya orang, *need special time*. Diorang sebenarnya inda pulang mahu berhenti kerja, but disebabkan oleh peraturan apa yang ada, *so* kebanyakan diorang berhenti kerja dan bekerja di swasta, ada yang masih di swasta jadi inda jua kehilangan banar lah ah, masih jua memberikan khidmat di negara ani.

Ada satu soalan mengenai dengan *NIC*. Alhamdulillah, semasa tani menangani *COVID*, ada satu bangunan tambahan, *NIC Extension* namanya *NICE*. Jadi daripada 30 katil *isolation*, tani ada bertambah *almost* 170 katil *isolation* di Daerah Tutong. Jadi, memang masa ani *current NIC* memang berpakai tu ah untuk pesakit-pesakit menghadapi *tuberculosis*, tani mewadkan diorang di sana tu. So *NIC* yang original itu masih digunakan tapi yang baru itu *what we called NIC Extension or NICE*, itu yang kosong ah masa ani. Dan masa ani dalam pemikiran ialah untuk menjadikan ia sebagai *a step down for long-stay patients* yang di RIPAS termasuk warga emas yang sudah duduk lama di hospital. Penyediaan dan kesesuaiannya pun sudah dianalyse dengan pakar-pakar dari *WHO* jua.

So, kalau ia menjadi, so sebahagian besar pesakit-pesakit yang lama di RIPAS itu akan dipindahkan ke sana dan ani akan memberi akses kepada *acute bed* di hospital RIPAS. Apa yang di hospital RIPAS selalunya menjadi kesulitan orang ramai ialah menunggu di *A&E* Alhamdulillah, *we have improved a lot* tapi *once* ia berjumpa doktor di *A&E* sudah tau apa-apa, menunggu masuk ke wad itu yang lama. *That takes a while* kadang-kadang sampai esoknya, sebab *acute bed* ani *limited*, kalau orang itu balik, itu tah ada katil, kan? So, jadi penambahan *or* penggunaan *NIC Extension* akan menambah *acute bed* di hospital, bila tani dapat memindahkan pesakit-pesakit yang lama di RIPAS itu

ke sana, kerana mereka itu sebenarnya itu memerlukan rawatan pulang lagi ah, yang duduk sampai ada yang berbulan *or* bertahun di RIPAS itu. So, macam *bed and breakfast* ni (tersengeh) so itu lah. So, Insya Allah *NIC* itu akan dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Emm. Apakah menyebabkan banyak *re-admission* ah kalau tani melihat prestasinya. Dengan *universal health coverage* yang tani berikan kepada masyarakat di negara itu, jadi pesakitnya bukan lagi *simple forward* jua, ia adalah *complex*. Sekarang pesakit banyak *multi-factorial and complex disease* berbanding dengan dahulu. Jadi, angka itu memang dipantau melalui *Bru-HIMS*, jadi, ada kenaikan di sana so itu insya-Allah akan diperbaikilah. So, jadi kalau yang *serious* itu biasanya ada *system of quality* di kementerian, *we call incident reporting* jua sebahagiannya kalau ada yang keluar masuk cemani itu akan di *flagged and then* akan dibincangkan mengapa ianya terjadi dan di sana tani mencari *root cause analysis* lah.

So is it, because it was the first time was not discharged properly or is it because of another factor menyebabkan penyakit lamanya itu merosot? So itu memang dipantau dan diharap ianya akan menurun dalam jangka sederhana itu, *it is not an overnight thing* so ia banyak faktor yang perlu dianalyse lah. Mengenai dengan obesiti, langkah-langkah yang diambil ialah pendidikan kesihatan dan promosi kesihatan dan seperti abiskita semua maklum jua, sejak *COVID-19* kitani ada *BruHealth* dan

di sana dengan *BruHealth* ani kitani mengambil kesempatan untuk mempromosi aktiviti fizikal terutama sekalinya dengan *steps* so sebelum ani kitani senegara bermacam-macam *step* punya *promotion*, *last one was the 80 billion steps*.

Alhamdulillah, dari data yang ada waktu mula-mula kitani membuat *step challenge* atu, purata yang ikut ia punya *steps everyday* is dalam 2,000 lebih sehari tapi sudah akhir-akhir ani, *even the second challenge the number of average steps per person* di negara ani meningkat kepada 4,000 lebih sehari. Atu adalah sangat memberangsangkan memandangkan *as from a simple platform* saja dari *BruHealth* dan alhamdulillah kitani dapat melihat jua dari prasarana atau tempat-tempat riadah yang ada, ramai sudah orang-orang kitani membuat fizikal aktiviti *so* ani sangat memberangsangkan. Walau bagaimanapun, *the real effect in terms of obesity will take years to see lah, it does not happen overnight or few years so it will be a long-term thing*.

Program menurunkan berat badan atau program cara sihat jua ada dilakukan dengan bersama *BruHealth* ani jua *and private clinic* yang menjalankannya, *we also have obesity clinic and endocrinology* dan bagi remaja atau kanak-kanak yang berumur terutama sekali 18 tahun ialah memberigakan di sekolah-sekolah mengenai dengan pentingnya meminum minuman kosong *rather than fizzy drinks* atau pun yang *sweetened drinks and we also have*

conduct policy for marketing for kids seperti yang ada kaola sebutkan dalam kenyataan kaola baru-baru ani dan *facts jua on the thing. There is also a school health programme called GLOW*, ani organized oleh Health Promotion Center dengan kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan dengan *support of Gleneagles JPMC* jua. Jadi program ani ia *trial* hari atu pada hari itu mana *private schools in program how to encourage their students from healthy food to exercise* macam dinyatakan tadi ada membuat aktiviti *P.E.* dan sebagainya.

So sekolah-sekolah ani sudah membuat perancangan dan diharap ia akan dilaratkan ke sekolah-sekolah kerajaan lain yang mahu *or* menyambut program tersebut jua. *I think* singan sana kali dulu Yang Berhormat Pengerusi, yang lain kalau belum terjawab, kaola akan menjawab secara bertulis saja. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Saya kira ada baiknya Tajuk ini kita undi sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju maka tajuk Kementerian Kesihatan diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: SM01A – Kementerian Kesihatan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, cukuplah dulu kita berunding dan berbincang pada hari ini ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada hari ini dan saya cadangkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan, insya Allah kita akan bersidang semula pada hari Sabtu, 15 Mac 2025, mulai sebagaimana lazim pada jam 9.30 pagi. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)